

Kesediaan Penggunaan *Google Meet* dan *Padlet* sebagai Platform Bimbingan dalam Talian dalam Kalangan Guru Negeri Johor

Junit Yasir^{1*}, Noor Dayana Abd Halim², Nor Farhah Saidin³

¹Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Jalan Tun Abdul Razak, 80604 Johor Bahru, Johor, Malaysia

²Sekolah Pendidikan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor, Malaysia

³Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

*Corresponding author: Junit Yasir (tinuj74@gmail.com)

Received: 9 May 2023

Received in revised form: 22 June 2023

Accepted: 11 July 2023

Published: 31 July 2023

ABSTRAK

Proses bimbingan dalam kalangan guru adalah satu proses perkongsian pengalaman pengajaran dan kemahiran pedagogi yang wajib dijalankan oleh *School Improvement Partners Plus* (SIPartners+) dan *School Improvement Specialist Coaches Plus* (SISC+). Walau bagaimanapun, sejak pandemik COVID-19 mula menular dalam negara pada awal tahun 2020, semua institusi pendidikan seperti sekolah, kolej dan universiti telah diarah tutup oleh pihak kerajaan buat sementara waktu bertujuan untuk mengekang penularan penyakit COVID-19. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, proses bimbingan masih perlu diteruskan bagi menambah baik pedagogi guru-guru. Oleh yang demikian, proses bimbingan yang dahulunya dilakukan secara bersemuka terpaksa dijalankan secara dalam talian. Ini termasuklah penggunaan aplikasi dalam talian seperti *Google Meet* dan *Padlet*. Justeru, kajian ini dilakukan bertujuan mengkaji kesediaan guru SIPartners+ dan SISC+ terhadap penggunaan *Google Meet* dan *Padlet* sebagai platform bimbingan dalam talian daripada aspek pengetahuan dan kemahiran. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan persampelan rawak 131 responden yang terdiri daripada 33 orang guru SIPartners+ dan 98 orang guru SISC+. Soal Selidik Kesediaan telah dibangunkan untuk mengukur aspek pengetahuan dan kemahiran terhadap penggunaan aplikasi *Google Meet* dan *Padlet*. Soal Selidik Kajian ini telah diedarkan kepada sampel secara dalam talian menggunakan *Google Form*. Perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) telah digunakan untuk menganalisis data secara deskriptif yang melibatkan frekuensi, peratusan dan min. Dapatan menunjukkan min tahap kesediaan daripada aspek pengetahuan dan kemahiran bagi SIPartners+ terhadap penggunaan *Google Meet* adalah tinggi dengan nilai 4.51 dan 4.21. Min tahap kesediaan daripada aspek pengetahuan dan kemahiran bagi SISC+ terhadap penggunaan *Google Meet* juga tinggi dengan nilai 4.62 dan 4.23. Manakala, min tahap kesediaan daripada aspek pengetahuan bagi SIPartners+ dan SISC+ terhadap penggunaan *Padlet* adalah tinggi dengan nilai 4.18 dan 4.06. tetapi sederhana bagi aspek kemahiran dengan nilai 3.22 dan 3.48. Ini menunjukkan bahawa SIPartners+ dan SISC+ telah bersedia daripada aspek pengetahuan dan kemahiran terhadap penggunaan *Google Meet* dalam melaksanakan bimbingan dalam talian. Akan tetapi, tahap kemahiran SIPartners+ dan SISC+ dalam penggunaan *Padlet* perlu ditingkatkan bagi meningkatkan keberkesanan proses bimbingan secara dalam talian.

Kata Kunci

Kesediaan; SIPartners+; SISC+; Pengetahuan; Kemahiran;

ABSTRACT

The guidance process among teachers is a sharing of teaching experiences and pedagogical skills that must be carried out by School Improvement Partners Plus (SIPartners+) and School Improvement Specialist Coaches Plus (SISC+). However, since the COVID-19 pandemic started spreading in the country in early 2020, all educational institutions such as schools, colleges, and universities were directed to temporarily close by the government to contain the spread of COVID-19. However, at the same time, the guidance process still needs to continue to improve the pedagogy of teachers. Therefore, the previously face-to-face guidance process had to be conducted online. This includes the use of online applications such as *Google Meet* and *Padlet*. Hence, this study aims to examine the readiness of SIPartners+ and SISC+ teachers in using *Google Meet* and *Padlet* as online guidance platforms in terms of knowledge and skills. This study utilized a survey method involving a random sample of 131 respondents, consisting of 33 SIPartners+ teachers and 98 SISC+ teachers. The Readiness Questionnaire was developed to measure the aspects of knowledge and skills in using *Google Meet* and *Padlet*. The survey was distributed online to the sample using *Google Form*. The SPSS (*Statistical Package for Social Science*) software was used to analyze the data descriptively, involving frequencies, percentages, and means. The findings show high mean levels of readiness in terms of knowledge and skills for SIPartners+ teachers in using *Google Meet*, with values of 4.51 and 4.21, respectively. Similarly, the mean levels of readiness for SISC+ teachers in using *Google Meet* are also high, with values of 4.62 and 4.23 for knowledge and skills, respectively. On the other hand, the mean levels of readiness for SIPartners+ and

SISC+ teachers in terms of knowledge for using Padlet are high, with values of 4.18 and 4.06, respectively. However, the mean levels of readiness for skills in using Padlet are moderate, with values of 3.22 and 3.48 for SIPartners+ and SISC+ teachers, respectively. This indicates that SIPartners+ and SISC+ teachers are ready in terms of knowledge and skills in using Google Meet for implementing online guidance. However, the skills level of SIPartners+ and SISC+ teachers in using Padlet needs improvement to enhance the effectiveness of the online guidance process.

Keywords

Readiness; SIPartners+; SISC+; Knowledge; Skills;

Pengenalan

Penggunaan teknologi digital dalam bidang pendidikan telah lama diamalkan oleh para guru, murid, pensyarah dan para penyelidik di peringkat pelaksana dasar seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Dalam bidang pendidikan, penggunaan teknologi digital sering dikaitkan dengan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kelas. Ini disokong melalui kajian yang dilakukan oleh Hoyles dan Lagrange (2010) yang menegaskan bahawa teknologi digital adalah perkara yang paling mempengaruhi sistem pendidikan dunia pada ketika ini. Selain penggunaannya dalam sesi PdP, teknologi digital juga digunakan dalam program-program atas talian lain seperti latihan dalam perkhidmatan kepada guru-guru.

Sejak pandemik COVID-19 yang mula menular dalam negara ini pada awal tahun 2020, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara terpaksa dilaksanakan mulai 18 Mac 2020 oleh kerajaan. Justeru, menerusi Perutusan Khas Perdana Menteri Malaysia (2020), semua institusi pendidikan seperti sekolah, kolej dan universiti diarah tutup oleh pihak kerajaan buat sementara waktu bertujuan untuk mengekang penularan penyakit COVID-19. Sepanjang tempoh PKP tersebut, segala aktiviti PdP tidak dibenarkan untuk dilaksanakan secara bersemuka. Secara tidak langsung, semua proses PdP terpaksa dilakukan di rumah masing-masing melalui penggunaan teknologi sedia ada seperti *Google Classroom*, *Google Meet* dan *Zoom*. Menurut Putrawangsa dan Hasanah (2018) menyatakan bahawa perkembangan teknologi maklumat dalam pendidikan dapat meningkatkan kecekapan dan keberhasilan hasil pembelajaran pelajar. Natiujahnya, sesi pembelajaran yang dahulunya dilaksanakan secara bersemuka di dalam kelas telah berubah kepada dalam talian yang dikenali sebagai Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Hal ini perlu dilaksanakan bagi meneruskan kesinambungan dunia pendidikan di Malaysia.

Selain itu, para pentadbir dan guru juga perlu menghadiri program-program pementoran dan bimbingan secara dalam talian yang dikendalikan oleh *School Improvement Partners Plus* (SIPartners+) dan *School Improvement Specialist Coaches Plus* (SISC+). Ini bermakna, selain daripada guru, penguasaan teknologi digital juga harus dikuasai oleh SIPartners+ dan SISC+ untuk melakukan pementoran dan bimbingan kepada guru-guru sekolah secara berterusan. Hal ini kerana, hasil daripada penyeliaan bimbingan yang dilakukan dan penyusunan strategi yang berkesan dapat meningkatkan kualiti pengajaran guru (Zamri, 2014). SIPartners+ dan SISC+ adalah perjawatan yang diwujudkan di bawah inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013). Skop tugas SIPartners+ adalah untuk membimbing guru besar dan pengetua dalam hal-ehwal pengurusan organisasi sekolah dan kepimpinan, manakala skop tugas SISC+ pula adalah untuk melahirkan golongan pendidik yang mempunyai kemahiran pedagogi dan pengetahuan selaras dengan perkembangan semasa melalui bimbingan yang dilaksanakan.

Bagi mencapai tujuan tersebut, mereka melaksanakan pementoran dan bimbingan secara bersemuka supaya objektif yang ditetapkan menjadi lebih berkesan. Secara tidak langsung, keberkesanan aktiviti pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah serta kompetensi, kreativiti, pengetahuan dan kemahiran guru menyumbang kepada kecemerlangan murid (Saemah dan Zamri, 2016). Akan tetapi, sejak pandemik COVID-19 melanda negara, pelaksanaan pementoran dan bimbingan menggunakan teknologi dalam talian adalah satu perubahan yang tidak dapat dielakkan oleh SIPartners+ dan SISC+ yang melatih, membimbing, mengajar dan membuat pementoran kepada para pendidik (*E-Coaching Book*, 2015). Ini bermakna, mereka juga perlu menyiapkan diri dalam menguasai teknologi digital terlebih dahulu kerana mereka seterusnya perlu untuk melatih guru-guru di bawah sekolah pantauan mereka. Justeru, kesediaan SIPartners+ dan SISC+ juga perlu di ambil perhatian dalam memastikan mereka dapat memberikan khidmat pementoran dan bimbingan yang terbaik kepada guru-guru.

Latar Belakang Masalah

Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) atau *Work From Home* (WFH) telah menyedarkan kita tentang keperluan

kemahiran menggunakan teknologi seperti e-perkhidmatan dan e-pembelajaran dalam meningkatkan keberkesanan sistem perkhidmatan dan pendidikan (Zawiah, 2020). Berdasarkan kajian-kajian yang lepas, bimbingan secara dalam talian berupaya menghasilkan momentum dalam pembelajaran dan pembangunan profesional individu (York-Barr dan Duke, 2004). Kenyataan ini disokong oleh kajian daripada Pfund et al. (2016) yang mengatakan bahawa pembelajaran berterusan adalah sangat penting bagi seseorang itu untuk memperoleh kompetensi yang diperlukan.

Tambahan pula, terdapat pelbagai platform masa kini yang boleh digunakan bagi melaksanakan bimbingan dalam talian kepada guru-guru seperti aplikasi *Zoom*, *Google Meet* dan *Cisco Webex*. Ini merupakan satu cabaran terhadap SIPartners+ dan SISC+ kerana mereka tidak didedahkan secara langsung dengan penggunaan platform-platform tersebut sebelum pandemik COVID-19 melanda negara. Baharudin dan Nik Rahimi (2008) menegaskan bahawa para pendidik hendaklah menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam bentuk teknologi maklumat dan bersikap positif terhadapnya. Penggunaan teknologi semasa sesi bimbingan perlulah dilakukan secara berhemah bagi mencapai objektif bimbingan tersebut dan bukan untuk keseronokan semata-mata.

Pengintegrasian teknologi dalam kelas dipengaruhi oleh kesediaan guru (Sun, Strobel dan Newby, 2017). Ini disokong oleh Nor et al. (2019) yang menyatakan bahawa jika aspek kemahiran tidak dipertingkatkan terlebih dahulu, maka kualiti sistem pendidikan yang telah dirangka dan dibangunkan tidak akan memberi sebarang makna kepada para pendidik terutamanya guru. Oleh itu, pemilihan aplikasi yang bersesuaian dengan guru yang dibimbing perlulah diambil kira dalam aspek perancangan bimbingan yang dilakukan oleh SIPartners+ dan SISC+. Sejajar dengan peralihan kepada pengajaran dalam talian disebabkan oleh pandemik COVID-19, para pembimbing guru juga harus beralih kepada penggunaan teknologi sebagai suatu platform untuk melaksanakan bimbingan dalam talian. Ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Selwyn (2012) dan McFarlane (2019) yang menyatakan bahawa proses PdP berpaksikan teknologi berlaku dengan pantas di tengah-tengah proses transformasi ICT yang lebih luas dalam sistem pendidikan. Jika sebelum ini SIPartners+ dan SISC+ hanya melaksanakan bimbingan dengan kaedah perbincangan secara bersemuka, tetapi sewaktu pandemik melanda, mereka terpaksa beralih ke arah penggunaan teknologi sebagai platform untuk melaksanakan bimbingan secara dalam talian.

Antara aplikasi yang mereka gunakan sebagai platform bimbingan secara dalam talian adalah *Google Meet* kerana ianya mudah diakses secara percuma dengan menggunakan telefon pintar atau komputer peribadi melalui web browser, Android dan iOS. Tambahan pula, bagi versi premium, pengguna dapat melakukan pertemuan sehingga 250 peserta (Dian, 2020). Di samping itu, proses bimbingan boleh dilakukan di mana-mana lokasi tanpa mengira waktu dan menjimatkan masa. SIPartners+ dan SISC+ juga harus menguasai aplikasi untuk perkongsian bahan-bahan bimbingan secara dalam talian. Salah satu aplikasi yang mereka gunakan bagi tujuan tersebut sepanjang pandemik adalah *Padlet*. Aplikasi ini boleh digunakan untuk berinteraksi antara satu sama lain secara maya bagi tujuan perkongsian bahan-bahan teks, grafik, video dan animasi (Ibrahim et al., 2014). Tambahan pula, aplikasi ini mudah diakses secara percuma menggunakan telefon bimbit, komputer peribadi dan tablet serta tidak perlu dimuat turun untuk menggunakannya.

Dengan beberapa kelebihan yang terdapat pada *Google Meet* dan *Padlet*, maka sewajarnya SIPartners+ dan SISC+ menguasai kemahiran untuk menggunakan aplikasi ini agar proses bimbingan dan perkongsian bahan-bahan bimbingan kepada guru besar, pengetua dan para guru berjalan dengan lancar. Hal ini kerana, dengan penggunaan alat teknologi dan sumber digital yang canggih dalam bidang pendidikan, para guru diberi peluang untuk menyelesaikan masalah pembelajaran secara kreatif dan inovatif (Kozma, 2011).

Kajian Literatur

Bahagian ini membentangkan hasil kajian daripada penyelidikan atau kajian lepas serta maklumat yang berkaitan teknologi, contohnya konsep yang sesuai untuk kajian ini dan jurang kajian lepas.

Perkembangan Teknologi dalam Sistem Pendidikan

Penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan telah lama diperkenalkan terutamanya di negara-negara maju seperti Amerika dan Eropah iaitu sejak awal 60-an lagi. Tambahan pula, penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pendidikan dapat memberi impak yang besar seperti mengubah kaedah pembelajaran, cara memperoleh maklumat dan cara menyesuaikan setiap maklumat tersebut (Yahaya, 2020).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga tidak mahu ketinggalan dalam penggunaan TMK dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (KPM, 2013). Dalam pelan tersebut, KPM telah menggariskan sebelas anjakan yang perlu dilakukan dalam

memastikan sistem Pendidikan di Malaysia dapat bersaing dengan negara-negara maju.

Selain itu, PPPM bertindak sebagai medium untuk menghasilkan pelajar yang mahir dalam bidang teknologi dan modal insan yang berfikiran kreatif dan kritis yang dapat bersaing di peringkat global (Ghavifekr dan Mohammad Sani, 2015). Bagi mencapai tujuan tersebut, para guru harus didedahkan dengan pelbagai aplikasi TMK dalam talian yang boleh digunakan dalam meningkatkan kualiti PdP.

Penggunaan *Google Meet* dan *Padlet* dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Terdapat banyak aplikasi teknologi yang boleh digunakan dalam bidang pendidikan, terutamanya semasa proses PdP di sekolah (Aisa, 2020). Antara aplikasi yang boleh digunakan untuk tujuan PdP ialah aplikasi *Google Meet*. *Google Meet* merupakan aplikasi telesidang video yang sangat bermanfaat bagi tujuan perjumpaan secara dalam talian. Aplikasi ini adalah sebahagian daripada *Google Hangouts* yang telah ditambah baik untuk digunakan oleh organisasi seperti sekolah, kolej, universiti ataupun secara individu. Aplikasi ini mampu menampung sehingga seratus pengguna secara dalam talian atau maya. Pengguna boleh menggunakan aplikasi ini melalui komputer peribadi, komputer riba, tablet atau telefon pintar.

Aplikasi *Google Meet* amat mudah digunakan di mana-mana lokasi dan pada bila-bila masa sahaja, dengan syarat terdapat talian internet semasa menggunakannya. Tambahan pula, aplikasi ini diberikan secara percuma oleh pihak *Google*. Pengguna hanya perlu memuat turun aplikasi tersebut melalui *PlayStore* bagi sistem yang menggunakan pemprosesan Android dan *AppStore* bagi pemprosesan iOS atau melalui aplikasi web.

Padlet merupakan satu aplikasi yang membolehkan pengguna menyiarkan pendapat mereka dengan menggunakan nota lekat elektronik (*e-sticker*) pada dinding digital yang boleh dikongsi bersama-sama. *Padlet* juga boleh digunakan untuk mencatat nota peribadi, senarai penting yang perlu dilakukan, maklumbalas dan sebagainya. Ianya menggunakan konsep *click and drag* sama seperti papan kenyataan maya. Ia juga merupakan *web collaborative* di mana seseorang itu boleh menjadi penghasil ataupun pengguna. Pengguna boleh memuat naik imej, teks, audio dan video pada dinding digital *Padlet*.

Dalam proses PdP pula, penggunaan *Padlet* boleh memberikan impak yang besar dalam hasil pembelajaran. Antaranya ialah menjadikan PdP sangat menarik dan interaktif, menjadikan pelajar terlibat secara aktif melalui aktiviti berkumpulan, menjadikan pelajar dapat mengawal aktiviti mereka secara sendiri, memberi peluang yang sama kepada semua pelajar dalam memberi idea atau komen dan membolehkan setiap pelajar menulis atau memuat naik bahan-bahan PdP seperti video, teks, gambar, audio ataupun pautan web pada dinding digital pada satu masa yang sama.

Kajian Berkaitan Penggunaan *Google Meet* dan *Padlet* dalam Pendidikan

Sawitri (2020) mengkaji penggunaan *Google Meet* untuk *Work from Home* di era pandemik COVID-19 dalam kalangan mahasiswa. Hasil kajian mendapati bahawa mahasiswa memperolehi pengetahuan dan cara-cara menggunakan *Google Meet* sebagai platform komunikasi (berbentuk video) secara dalam talian. Sementara itu, kajian telah dilakukan oleh Zakaria et.al (2020) bagi mengkaji tahap kesediaan siswa guru menggunakan *Google Meet* dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian. Hasil kajian mendapati kesediaan guru menggunakan *Google Meet* dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian berada pada tahap yang tinggi. Sementara itu terdapat pengaruh yang signifikan antara penggunaan aplikasi *Google Meet* terhadap hasil belajar mahasiswa (Bayu Fitra Prisuna, 2021).

Ugartini Mageswaran (2021) telah mengkaji tahap pengetahuan dan kekangan yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu ketika menggunakan aplikasi *Google Meet* dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Hasil kajiannya mendapati bahawa pengetahuan guru-guru ketika menggunakan aplikasi *Google Meet* dalam PdP berada pada tahap yang tinggi. Kekangan yang dihadapi oleh guru ketika menggunakan aplikasi *Google Meet* adalah pelajar tidak bersedia untuk belajar secara dalam talian. Ini bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Gustiana (2021), yang menyatakan bahawa pelajar memberikan kerjasama yang baik ketika menggunakan *Google Meet* ketika PdP dalam talian.

Dalam penggunaan *Padlet* dalam PdP pula, Kasih, Asmana, dan Salmidar (2021) telah mengkaji tentang pengaruh penggunaan model pembelajaran *e-learning* dengan menggunakan aplikasi *Padlet* terhadap hasil pembelajaran Matematik. Hasil kajian beliau mendapati bahawa pengaruh penggunaan model pembelajaran *e-learning* dengan menggunakan aplikasi *Padlet* terhadap hasil pembelajaran Matematik berada pada tahap tinggi berbanding model pembelajaran bersemuka. Alan Alifudin et.al. (2021) pula mengkaji kesan penggunaan platform *Padlet* sebagai media

pembelajaran dalam talian semasa pandemik COVID-19. Kajian beliau mendapati bahawa penggunaan platform *Padlet* sebagai media pembelajaran dalam talian dapat meningkatkan keaktifan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti PdP yang dijalankan. Ini disokong oleh Putri Rachmadyanti (2021) yang mendapati bahawa penggunaan *Padlet* dalam kalangan mahasiswa di universiti dapat menarik minat mahasiswa untuk belajar apabila menggunakan aplikasi tersebut semasa sesi *Microteaching*.

School Improvement Partners Plus (SIPartners+)

Program SIPartners+ telah dilaksanakan pada bulan Mac 2010 semasa mesyuarat *Delivery Task Force, National Key Result Area* (NKRA) yang telah dipersetujui oleh Menteri Pelajaran pada ketika itu. Tujuan program SIPartners+ diwujudkan adalah untuk membantu dan memotivasi Guru Besar dan Pengetua bagi 9,996 buah sekolah yang melibatkan 7,714 buah sekolah rendah dan 2,282 buah sekolah menengah untuk meningkatkan pencapaian murid terutama murid yang berprestasi rendah. (NKRA Pendidikan, 2011).

Proses bimbingan merupakan suatu model yang boleh menyokong usaha dalam melahirkan lebih ramai pemimpin sekolah yang berwibawa (Bloom *et al.*, 2005). Pernyataan ini disokong oleh Foley (2006) yang mengatakan bahawa pengetua-pengetua yang telah melalui proses bimbingan berkualiti adalah lebih cenderung untuk menjadi pemimpin yang komited dan menghasilkan impak positif pada pencapaian muridnya. Kajian mendapati bahawa 80% pengetua di England bersetuju bahawa bimbingan yang diberikan oleh SIPartners+ berjaya meningkatkan budaya kepimpinan pengetua (National Audit Office (NAO), 2009).

School Improvement Specialist Coaches Plus (SISC+)

Program *School Improvement Specialist Coaches Plus* (SISC+) telah diperkenalkan di Malaysia sejak 2013 dan dilaksanakan di seluruh negara pada 2014. Tujuan utama pelaksanaannya adalah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan meningkatkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran kritikal seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Bagi mencapai matlamat ini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 telah dirangka dengan memperkenalkan Program Transformasi Daerah (PTD) jalinan rantaian pendidikan dari atas ke bawah.

Mengambil kira kualiti PdP abad ke-21, jurulatih pakar ini perlu mewujudkan kesedaran tentang peranan seorang guru dalam pendidikan abad ke-21 dengan menyediakan sokongan kepada guru tentang kemahiran PdP abad ke-21 dan memupuk kemahiran pedagogi yang sesuai dan terkini. Beberapa kajian antarabangsa menunjukkan bahawa kualiti guru adalah faktor berasaskan sekolah yang paling penting yang menentukan keberhasilan pelajar. Penyelidikan yang telah dilakukan di Tennessee, Amerika Syarikat pada pertengahan 1990-an menunjukkan bahawa guru berprestasi tinggi boleh meningkatkan pencapaian pelajar sehingga 50 mata persentil berbanding guru berprestasi rendah dalam pengajaran dua pelajar berumur lapan tahun dengan prestasi sederhana melebihi tempoh tiga tahun. Kajian serupa yang dijalankan di Dallas dan Boston, Amerika Syarikat dan di England juga menunjukkan pengajaran berfokus boleh meningkatkan keberhasilan pelajar sebanyak 20% (KPM, 2013).

Leng (2014) mendapati guru-guru Matematik sekolah menengah di Putrajaya, Malaysia tidak bersedia dengan sesi pengajaran ketika lawatan dilakukan oleh Pegawai Pendidikan Daerah (PPD). Justeru, bimbingan guru di bawah program SISC+ dalam sistem pendidikan Malaysia adalah satu usaha yang baik untuk menyediakan pembangunan profesional dan mengekalkan kualiti pengajaran bagi memastikan setiap guru di sekolah bersedia untuk mengajar di bilik darjah.

Bimbingan dalam Talian

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), dan kecekapan masyarakat menggunakan aplikasi internet telah memberi perangsang kepada organisasi pendidikan untuk membangunkan kaedah bimbingan secara dalam talian atau e-bimbingan. Perkembangan teknologi internet termasuklah *cloud technology*, *Web 2.0* dan *Web 3.0* (Morris, 2011), penyiaran video, webinar dan telesidang membolehkan sistem pendidikan melaksanakan e-bimbingan. Walaubagaimanapun, segala kelemahan semasa melaksanakan bimbingan dalam talian haruslah diambil kira (Elen, Heun dan Blanchard, 2003).

Pelaksanaan e-bimbingan diterima secara meluas kerana peluangnya yang sangat besar untuk menghubungkan

pembimbing dan guru terutamanya dengan kemajuan infrastruktur, keupayaan internet masa kini dan permintaan yang semakin meningkat terhadap dunia bimbingan yang fleksibel. Kajian yang dijalankan oleh Shrestha, May, Edirisingha, Burke dan Linsey (2009) selama setahun di universiti menunjukkan berlaku peningkatan bilangan pelajar yang terlibat dalam bimbingan secara maya disebabkan oleh akses yang tersedia berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Metodologi Kajian

Reka bentuk Kajian

Kajian ini melaksanakan kaedah penyelidikan secara kuantitatif iaitu kaedah kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik. Menurut Mohd. Najib (2003), tinjauan menjadi satu kaedah yang mudah, iaitu sampel diberikan instrumen untuk dipenuhi maklumat dan kemudian maklumat diproses mengikut kaedah analisis yang dirancang oleh penyelidik.

Sampel Kajian

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada 36 orang SIPartners+ dan 130 orang SISC+ dari seluruh negeri Johor. Kaedah sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah sampel rawak mudah. Seramai 33 orang daripada 36 populasi SIPartners+ di negeri Johor telah dipilih. Sementara itu, bilangan sampel untuk SISC+ adalah 98 orang daripada 130 populasi kajian. Penentuan sampel-sampel ini adalah merujuk kepada jadual persampelan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Selepas mengenal pasti senarai sampel yang dipilih, penyelidik telah meminta kerjasama responden untuk menjawab borang soal selidik yang disediakan menggunakan *Google Form*.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen Soal Selidik Kesediaan telah dibangunkan sendiri oleh penyelidik dengan mengadaptasi instrumen yang telah digunakan oleh pengkaji terdahulu, antaranya dengan merujuk kepada kajian mengenai Persepsi Guru Terhadap *Virtual Learning Environment* (VLE) oleh Ana Haziqah pada tahun 2014, kajian mengenai Penerimaan Guru dan Pelajar Terhadap Frog VLE oleh Nor Azlah dan Fariza pada tahun 2014 dan kajian mengenai Penggunaan Persekitaran Pembelajaran Maya Frog dalam Kalangan Guru dan Pelajar Sekolah oleh Rasdi pada tahun 2017. Jadual 1 memaparkan taburan soalan berdasarkan konstruk.

Jadual 1. Taburan Konstruk, Jenis Soalan dan Bilangan Item dalam Instrumen Soal Selidik Kesediaan

Bahagian	Konstruk	Bilangan Item	Jenis Soalan
Bahagian A	Demografi	10	Terbuka
Bahagian B1	Tahap pengetahuan terhadap penggunaan <i>Google Meet</i>	10	Tertutup
Bahagian B2	Tahap kemahiran terhadap penggunaan <i>Google Meet</i>	19	Tertutup
Bahagian C1	Tahap pengetahuan terhadap penggunaan <i>Padlet</i>	13	Tertutup
Bahagian C2	Tahap kemahiran terhadap penggunaan <i>Padlet</i>	22	Tertutup

Penggunaan Skala Likert adalah penting untuk penyelidik meninjau tahap jawapan sampel terhadap soalan-soalan yang dikemukakan. Skala yang digunakan dalam Skala Likert tersebut melibatkan Skor 1, Skor 2, Skor 3, Skor 4 dan Skor 5. Skor 1 menunjukkan tahap paling rendah iaitu Sangat Tidak Setuju (STS) manakala skor 5 menunjukkan tahap paling tinggi iaitu Sangat Setuju (SS) seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Skala Likert yang Digunakan dalam Kajian

Skor	Singkatan	Maklum Balas
1	(STS)	Sangat Tidak Setuju
2	(TS)	Tidak Setuju
3	(KS)	Kurang Setuju
4	(S)	Setuju
5	(SS)	Sangat Setuju

Kajian Rintis

Bagi menentukan kesahan instrumen yang digunakan dalam kajian ini, penyelidik telah mendapatkan pengesahan item-item dalam Soal Selidik Kesediaan daripada tiga orang pakar. Pakar yang pertama merupakan pensyarah yang mempunyai kepakaran berkaitan penggunaan teknologi dalam talian. Pakar kedua merupakan seorang pegawai di Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP), Jabatan Pendidikan Negeri Johor yang pakar dalam penggunaan *Google Meet*. Pakar ketiga merupakan seorang pegawai di SSTP, Jabatan Pendidikan Negeri Johor yang berkepakaran dalam penggunaan *Padlet*.

Bagi menentukan tahap kebolehpercayaan item-item yang telah dibina, penyelidik telah mengedarkan borang Soal Selidik Kesediaan kepada 12 orang dalam kalangan SIPartners+ dan SISC+. Sampel tersebut adalah berbeza dari sampel kajian yang terlibat dalam pengumpulan data sebenar. Bagi menentukan kebolehpercayaan Soal Selidik Kesediaan yang telah dibangunkan, pengkaji telah mendapatkan nilai Cronbach Alpha untuk soal selidik tersebut. Menurut Bon dan Fox (2007), kebolehpercayaan adalah tinggi apabila indeks kebolehpercayaan melebihi 0.6 dan jika kurang dari nilai 0.6, maka kesemua atau sebilangan item tersebut hendaklah diperbaiki. Dalam kajian ini, nilai Cronbach Alpha untuk Soal Selidik Kesediaan adalah 0.94, iaitu sangat baik dengan tahap konsistensi yang tinggi.

Analisis dan Dapatan Kajian

Analisis telah dijalankan bagi setiap bahagian dalam soal selidik. Data yang dikumpul seperti jantina, umur, tempoh perkhidmatan, pengalaman penggunaan *Google Meet* dan *Padlet*, dan masa penggunaan *Google Meet* serta *Padlet* dalam seminggu diterjemahkan dalam bentuk peratusan di Bahagian A. Dalam Bahagian B1, B2, C1 dan C2 pula, data yang diperolehi akan diwakili oleh frekuensi, peratusan, skor min keseluruhan dan interpretasi skor min daripada Landell (1977) seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3. Interpretasi Skor Min (Landell, 1977)

Skor Min	Keputusan Nilai Min
1.00 - 2.33	Tahap Rendah
2.34 - 3.67	Tahap Sederhana
3.68 - 5.00	Tahap Tinggi

Demografi Pelajar

Jadual 4 membentangkan taburan demografi responden daripada 33 orang SIPartners+ dan 98 orang SISC+ berdasarkan frekuensi dan peratus.

Jadual 4. Demografi Responden

Demografi	Bilangan Responden	Peratus (%)
Jantina:		
• Lelaki	66	50.4
• Perempuan	65	49.6
Umur:		
• Bawah 35 tahun	1	0.8
• 35-45 tahun	44	33.6
• 46-55 tahun	60	45.8
• 55 tahun ke atas	26	19.8
Tempoh Berkhidmat Sebagai SIPartners+:		
• 1-3 tahun	19	57.6
• 4-6 tahun	6	18.2
• 7-9 tahun	8	24.2
Tempoh Berkhidmat Sebagai SISC+:		
• 1-3 tahun	44	44.9

• 4-6 tahun	18	18.4
• 7-9 tahun	36	36.7
Pernahkan anda menggunakan <i>Google Meet</i> :		
• Pernah	131	100.0
• Tidak Pernah	0	0.0
Jika 'Pernah', berapakah purata anda menggunakan <i>Google Meet</i> dalam satu (1) minggu:		
• Kurang 1 jam	12	9.2
• 1-5 jam	74	56.6
• 6-10 jam	27	20.6
• 11-15 jam	7	5.4
• 16-20 jam	5	3.8
• lebih 20 jam	5	3.8
Pernahkan anda menjadi <i>host(admin)</i> untuk <i>Google Meet</i> :		
• Pernah	120	91.6
• Tidak Pernah	11	8.4
Pernahkan anda menggunakan <i>Padlet</i> :		
• Pernah	104	79.4
• Tidak Pernah	27	20.6
Jika 'Pernah', berapakah purata anda menggunakan <i>Padlet</i> dalam satu (1) minggu:		
• Kurang 1 jam	44	42.3
• 1-5 jam	52	50.0
• 6-10 jam	3	2.9
• 11-15 jam	2	1.9
• 16-20 jam	1	1.0
• lebih 20 jam	2	1.9
Pernahkan anda menjadi <i>host(admin)</i> untuk <i>Padlet</i> :		
• Pernah	47	35.9
• Tidak Pernah	84	64.1

Berdasarkan Jadual 4, daripada 131 orang responden, 66 orang adalah lelaki (50.4%) dan seramai 65 orang (49.6%) adalah perempuan. Sementara itu, responden yang paling ramai terlibat dalam kajian ini adalah berumur di antara 46-55 tahun, iaitu seramai 60 orang (45.8%), diikuti 44 orang (33.6%) yang berumur di antara 35-45 tahun, 26 orang (19.8%) yang berumur 55 tahun ke atas dan hanya seorang (0.8%) sahaja yang berumur bawah 35 tahun. Daripada 131 responden yang dikaji, 33 daripadanya merupakan SIPartners+. Dalam kalangan mereka, seramai 19 orang (57.6%) baru berkhidmat 1-3 tahun. Seramai 8 orang (24.2%) telah berkhidmat 7-9 tahun dan hanya 6 orang (18.2%) sahaja telah berkhidmat 4-6 tahun. Daripada 98 orang SISC+ yang dikaji, seramai 44 orang (44.9%) baru berkhidmat 1-3 tahun, diikuti 36 orang (36.7%) telah berkhidmat selama 7-9 tahun dan baki 18 orang (18.4%) lagi telah berkhidmat 4-6 tahun.

Dari segi penggunaan *Google Meet*, kesemua responden, iaitu seramai 131 orang (100.0%) pernah menggunakan aplikasi tersebut. Daripada jumlah tersebut, seramai 74 orang (56.6%) menggunakan *Google Meet* secara purata selama 1-5 jam dalam satu minggu. Hanya 5 responden sahaja (3.8%) menggunakan *Google Meet* secara purata selama 16-20 jam dan lebih 20 jam dalam satu minggu. Kajian juga mendapati seramai 120 orang (91.6%) pernah menjadi *host (admin)*, manakala 11 orang (8.4%) lagi tidak pernah menjadi *host (admin)* untuk *Google Meet*.

Untuk penggunaan *Padlet*, seramai 104 responden (79.4%) pernah menggunakan aplikasi tersebut berbanding 27 orang (20.6%) yang tidak pernah menggunakannya. Analisis data mendapati, separuh daripada jumlah responden (50.0%) menggunakan *Padlet* secara purata selama 1-5 jam dalam satu minggu. Ini diikuti oleh 44 orang (42.3%) menggunakan

Padlet secara purata kurang 1 jam dalam satu minggu dan hanya seorang (1.0%) menggunakan *Padlet* secara purata selama 16-20 jam dalam satu minggu. Kajian juga mendapati bahawa seramai 84 orang (64.1%) tidak pernah menjadi *host (admin)* dalam penggunaan *Padlet*.

Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Terhadap Penggunaan *Google Meet*

Dalam bahagian ini, data-data yang dianalisis digunakan untuk menjawab persoalan kajian iaitu di mana tahap kesediaan SIPartners+ dan SISC+ negeri Johor terhadap penggunaan *Google Meet* dalam melaksanakan bimbingan dalam talian. Tahap kesediaan diukur daripada aspek pengetahuan dan kemahiran terhadap penggunaan aplikasi tersebut. Analisis ke atas setiap item telah dijalankan dengan melihat frekuensi, peratus, min dan interpretasi min.

Pengetahuan SIPartners+ Terhadap Penggunaan *Google Meet*

Dalam bahagian ini, sebanyak 10 item telah dikemukakan untuk mengetahui pengetahuan SIPartners+ terhadap penggunaan *Google Meet*. Data ini telah dibentangkan dalam Jadual 5 yang menunjukkan taburan responden mengikut frekuensi, peratus, min dan interpretasi min.

Jadual 5. Analisis Tahap Pengetahuan SIPartners+ Terhadap Penggunaan *Google Meet*

Item	Frekuensi dan Peratus (%)					Min	Interpretasi Min
	1	2	3	4	5		
1. <i>Google Meet</i> adalah medium perbincangan secara dalam talian.	0 0.0	0 0.0	0 0.0	10 30.3	23 69.7	4.70	Tinggi
2. <i>Google Meet</i> boleh diakses dengan menggunakan komputer peribadi.	1 3.0	0 0.0	0 0.0	6 18.2	26 78.8	4.70	Tinggi
3. <i>Google Meet</i> boleh diakses dengan menggunakan peranti mudah alih seperti telefon pintar dan tablet.	0 0.0	0 0.0	0 0.0	6 18.2	27 81.8	4.82	Tinggi
4. <i>Google Meet</i> boleh digunakan sebagai platform untuk membimbing pentadbir atau guru.	1 3.0	0 0.0	1 3.0	9 27.3	22 66.7	4.55	Tinggi
5. Penggunaan <i>Google Meet</i> untuk bimbingan dapat menjimatkan masa.	0 0.0	1 3.0	3 9.1	9 27.3	20 60.6	4.45	Tinggi
6. Penggunaan <i>Google Meet</i> untuk bimbingan dapat menjimatkan penggunaan tempat bimbingan.	1 3.0	0 0.0	3 9.1	10 30.3	19 57.6	4.39	Tinggi
7. <i>Google Meet</i> boleh diakses secara percuma.	1 3.0	3 9.1	3 9.1	6 18.2	20 60.6	4.24	Tinggi
8. <i>Google Meet</i> boleh diakses dengan mudah.	0 0.0	0 0.0	1 3.0	12 36.4	20 60.6	4.58	Tinggi
9. <i>Google Meet</i> boleh didaftar masuk dengan menggunakan akaun Gmail.	0 0.0	0 0.0	2 6.1	10 30.3	21 63.6	4.58	Tinggi
10. Tiada had masa dalam penggunaan <i>Google Meet</i> .	0 0.0	2 6.1	7 21.2	9 27.3	15 45.4	4.12	Tinggi
Min Skor Keseluruhan						4.51	Tinggi

n=33

Berdasarkan Jadual 5, min skor keseluruhan dalam bahagian ini adalah 4.51. Analisis setiap item menunjukkan bahawa min yang paling tinggi adalah 4.82 iaitu merujuk kepada item nombor 3 iaitu *Google Meet* boleh diakses dengan menggunakan peranti mudah alih seperti telefon pintar dan tablet. Selain itu, item ini juga mencapai peratus yang tertinggi iaitu 81.8% yang mana seramai 27 responden sangat setuju pada pernyataan item tersebut. Min yang kedua tertinggi adalah 4.70 iaitu merujuk kepada item nombor 1 dan 2. Item nombor 1 merujuk kepada pernyataan “*Google Meet* adalah medium perbincangan secara dalam talian”.

Sementara itu, item nombor 2 juga mencapai min kedua tertinggi iaitu 4.70 yang mana ianya merujuk kepada pernyataan “*Google Meet* boleh diakses dengan menggunakan komputer peribadi” walaupun terdapat seorang responden (3.0%) sangat tidak setuju terhadap pernyataan tersebut. Sebaliknya, item nombor 10 menunjukkan min

yang paling rendah iaitu 4.12 yang merujuk kepada pernyataan “tiada had masa dalam penggunaan *Google Meet*”. Kesimpulannya, tahap pengetahuan SIPartners+ terhadap penggunaan *Google Meet* adalah pada tahap tinggi.

Kemahiran SIPartners+ Terhadap Penggunaan Google Meet

Dalam bahagian ini, sebanyak 19 item telah dikemukakan untuk mengetahui kemahiran SIPartners+ terhadap penggunaan *Google Meet*. Data ini telah dibentangkan dalam Jadual 6 yang menunjukkan taburan responden mengikut frekuensi, peratus, min dan interpretasi min.

Jadual 6. Analisis Tahap Kemahiran SIPartners+ Terhadap Penggunaan *Google Meet*

Item	Frekuensi dan Peratus					Min	Interpretasi Min
	1	2	3	4	5		
1. Saya tidak menghadapi sebarang masalah untuk mengakses <i>Google Meet</i> .	0 0.0	0 0.0	2 6.1	14 42.4	17 51.5	4.45	Tinggi
2. Saya mahir mencipta (create) pautan mesyuarat untuk <i>Google Meet</i> .	1 3.0	0 0.0	5 15.1	9 27.3	18 54.5	4.30	Tinggi
3. Saya mahir untuk menyalin (copy) pautan mesyuarat <i>Google Meet</i> untuk diberikan kepada pentadbir atau guru.	0 0.0	0 0.0	3 9.1	10 30.3	20 60.6	4.52	Tinggi
4. Saya mahir menggunakan butang mikrofon yang ada pada paparan <i>Google Meet</i> .	0 0.0	0 0.0	1 3.0	6 18.2	26 78.8	4.76	Tinggi
5. Saya mahir menggunakan butang kamera yang ada pada paparan <i>Google Meet</i> .	0 0.0	0 0.0	1 3.0	6 18.2	26 78.8	4.76	Tinggi
6. Saya mahir menggunakan butang ‘Caption’ untuk mengaktifkan sarikata.	0 0.0	0 0.0	12 36.4	11 33.3	10 30.3	3.94	Tinggi
7. Saya mahir menggunakan butang ‘Present now’ untuk berkongsi slaid persembahan.	0 0.0	0 0.0	2 6.1	13 39.4	18 54.5	4.48	Tinggi
8. Saya mahir untuk menyelesaikan masalah yang timbul apabila slaid persembahan tidak dapat dipaparkan pada <i>Google Meet</i> .	0 0.0	2 6.1	13 39.4	9 27.3	9 27.3	3.76	Tinggi
9. Saya mahir menggunakan butang ‘Whiteboard’ untuk berkongsi sebarang idea secara bertulis.	1 3.0	4 12.1	11 33.3	8 24.2	9 27.3	3.61	Sederhana
10. Saya mahir menggunakan butang ‘Change layout’ untuk mengubah bilangan paparan peserta dalam <i>Google Meet</i> .	1 3.0	3 9.1	7 21.2	7 21.2	15 45.4	3.97	Tinggi
11. Saya mahir menggunakan butang ‘Full screen’ untuk menjadikan paparan <i>Google Meet</i> lebih besar.	0 0.0	0 0.0	5 15.1	10 30.3	18 54.5	4.39	Tinggi
12. Saya mahir menggunakan butang ‘Add people’ untuk menjemput orang luar masuk ke dalam perbincangan semasa menggunakan <i>Google Meet</i> .	0 0.0	1 3.0	5 15.1	12 36.4	15 45.4	4.24	Tinggi
13. Saya mahir menggunakan butang ‘All muted’ untuk menjadikan semua mikrofon tertutup (mute) kecuali penganjur (<i>host</i>).	0 0.0	0 0.0	5 15.1	15 45.4	13 39.4	4.24	Tinggi
14. Saya mahir menggunakan butang ‘Host controls’ yang ada pada butang ‘Show everyone’ di paparan <i>Google Meet</i> .	0 0.0	1 3.0	11 33.3	9 27.3	12 36.4	3.97	Tinggi
B2-15. Saya mahir untuk berkomunikasi dalam ruangan ‘chat’ pada paparan <i>Google Meet</i> .	0 0.0	1 3.0	0 0.0	7 21.2	25 75.7	4.70	Tinggi
16. Saya mahir menggunakan butang ‘record’ untuk merakam perbincangan dalam <i>Google Meet</i> .	0 0.0	1 3.0	3 9.1	10 30.3	19 57.6	4.42	Tinggi
17. Saya mahir menggunakan butang ‘Breakout room’ untuk mewujudkan kumpulan perbincangan yang lebih kecil.	2 6.1	1 3.0	17 51.5	6 18.2	7 21.2	3.45	Sederhana
	1	6	13	7	6	3.33	Sederhana

18. Saya mahir menggunakan butang 'Polls' untuk membuat sesuatu undian dengan cepat.	3.0	18.2	39.4	21.2	18.2		
19. Saya mahir untuk menamatkan sesi <i>Google Meet</i> .	0	0	1	7	25	4.73	Tinggi
	0.0	0.0	3.0	21.2	75.7		
Min Skor Keseluruhan						4.21	Tinggi

n=33

Merujuk Jadual 6, min skor keseluruhan dalam bahagian ini adalah 4.21. Data mendapati bahawa min yang tertinggi adalah 4.76 yang merujuk kepada item nombor 4 dan 5. Bagi kedua-dua item tersebut, ianya disokong oleh nilai peratusan yang tertinggi, iaitu 78.8% berbanding dengan 17 item yang lain. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden sangat setuju bahawa mereka mahir menggunakan butang mikrofon yang ada pada paparan *Google Meet* dan mereka juga sangat bersetuju bahawa mereka mahir menggunakan butang kamera yang ada pada paparan *Google Meet*. Sebaliknya, hasil analisis data menunjukkan bahawa min yang paling rendah adalah 3.33 yang merujuk kepada item nombor 18 iaitu seramai 13 responden (39.4%) tidak setuju terhadap pernyataan "Saya mahir menggunakan butang 'Polls' untuk membuat sesuatu undian dengan cepat". Walau bagaimanapun, kesimpulan dalam bahagian ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran SIPartners+ terhadap penggunaan *Google Meet* berada pada tahap tinggi.

Pengetahuan SISC+ Terhadap Penggunaan *Google Meet*

Dalam bahagian ini, sebanyak 10 item telah dikemukakan untuk mengetahui pengetahuan SISC+ terhadap penggunaan *Google Meet*. Data ini telah dibentangkan dalam Jadual 7 yang menunjukkan taburan responden mengikut frekuensi, peratus, min dan interpretasi min.

Jadual 7. Analisis Tahap Pengetahuan SISC+ Terhadap Penggunaan *Google Meet*

Item	Frekuensi dan Peratus					Min	Interpretasi Min
	1	2	3	4	5		
1. <i>Google Meet</i> adalah medium perbincangan secara dalam talian.	1	1	1	20	75	4.70	Tinggi
	1.0	1.0	1.0	20.4	76.5		
2. <i>Google Meet</i> boleh diakses dengan menggunakan komputer peribadi.	0	0	2	15	81	4.81	Tinggi
	0.0	0.0	2.0	15.3	82.6		
3. <i>Google Meet</i> boleh diakses dengan menggunakan peranti mudah alih seperti telefon pintar dan tablet.	0	0	1	17	80	4.81	Tinggi
	0.0	0.0	1.0	17.3	81.6		
4. <i>Google Meet</i> boleh digunakan sebagai platform untuk membimbing pentadbir atau guru.	0	1	5	27	65	4.59	Tinggi
	0.0	1.0	5.1	27.5	66.3		
5. Penggunaan <i>Google Meet</i> untuk bimbingan dapat menjimatkan masa.	1	2	5	32	58	4.47	Tinggi
	1.0	2.0	5.1	32.6	59.2		
6. Penggunaan <i>Google Meet</i> untuk bimbingan dapat menjimatkan penggunaan tempat bimbingan.	1	1	4	28	64	4.56	Tinggi
	1.0	1.0	4.1	28.6	65.3		
7. <i>Google Meet</i> boleh diakses secara percuma.	2	2	4	24	66	4.53	Tinggi
	2.0	2.0	4.1	24.5	67.3		
8. <i>Google Meet</i> boleh diakses dengan mudah.	0	1	8	29	60	4.51	Tinggi
	0.0	1.0	8.2	29.6	61.2		
9. <i>Google Meet</i> boleh didaftar masuk dengan menggunakan akaun Gmail.	0	0	3	24	71	4.69	Tinggi
	0.0	0.0	3.1	24.5	72.4		
10. Tiada had masa dalam penggunaan <i>Google Meet</i> .	0	0	8	29	61	4.54	Tinggi
	0.0	0.0	8.2	29.6	62.2		
Min Skor Keseluruhan						4.62	Tinggi

n=98

Berdasarkan Jadual 7, min skor keseluruhan dalam bahagian ini adalah 4.62. Analisis menunjukkan bahawa min yang paling tinggi adalah 4.81 iaitu merujuk kepada item nombor 2. Data juga menunjukkan bahawa seramai 81 orang (82.6%) daripada 98 responden sangat setuju terhadap pernyataan "*Google Meet* boleh diakses dengan menggunakan komputer peribadi". Selain itu, item nombor 3 juga merekodkan nilai min yang tertinggi (4.81) yang merujuk kepada pernyataan bahawa *Google Meet* boleh diakses dengan menggunakan peranti mudah alih seperti telefon pintar dan

tablet. Min yang kedua tertinggi adalah 4.70 iaitu merujuk kepada item nombor 1, yang mana seramai 75 responden (76.5%) sangat setuju terhadap pernyataan “*Google Meet* adalah medium perbincangan secara dalam talian”. Sebaliknya, min yang paling rendah dalam bahagian ini adalah pada item nombor 5 iaitu 4.47 yang mana hanya 58 orang (59.2%) daripada 98 responden sangat setuju kepada pernyataan “Penggunaan *Google Meet* untuk bimbingan dapat menjimatkan masa”. Kesimpulannya, tahap pengetahuan SISC+ terhadap penggunaan *Google Meet* berada pada tahap tinggi.

Kemahiran SISC+ Terhadap Penggunaan Google Meet

Dalam bahagian ini, sebanyak 19 item telah dikemukakan untuk mengetahui kemahiran SISC+ terhadap penggunaan *Google Meet*. Data ini telah dibentangkan dalam Jadual 8 yang menunjukkan taburan responden mengikut frekuensi, peratus, min dan interpretasi min.

Jadual 8. Analisis Tahap Kemahiran SISC+ Terhadap Penggunaan *Google Meet*

Item	Frekuensi dan Peratus					Min	Interpretasi Min
	1	2	3	4	5		
1. Saya tidak menghadapi sebarang masalah untuk mengakses <i>Google Meet</i> .	0 0.0	1 1.0	6 6.1	35 35.7	56 57.1	4.49	Tinggi
2. Saya mahir mencipta (create) pautan mesyuarat untuk <i>Google Meet</i> .	0 0.0	3 3.1	8 8.2	26 26.5	61 62.2	4.48	Tinggi
3. Saya mahir untuk menyalin (copy) pautan mesyuarat <i>Google Meet</i> untuk diberikan kepada pentadbir atau guru.	0 0.0	3 3.1	5 5.1	26 26.5	64 65.3	4.54	Tinggi
4. Saya mahir menggunakan butang mikrofon yang ada pada paparan <i>Google Meet</i> .	0 0.0	0 0.0	4 4.1	27 27.6	67 68.4	4.64	Tinggi
5. Saya mahir menggunakan butang kamera yang ada pada paparan <i>Google Meet</i> .	0 0.0	1 1.0	4 4.1	25 25.5	68 69.4	4.63	Tinggi
6. Saya mahir menggunakan butang ‘Caption’ untuk mengaktifkan sarikata.	2 2.0	2 2.0	15 15.3	38 38.8	41 41.8	4.16	Tinggi
7. Saya mahir menggunakan butang ‘Present now’ untuk berkongsi slaid persembahan.	0 0.0	1 1.0	7 7.1	30 30.6	60 61.2	4.52	Tinggi
8. Saya mahir untuk menyelesaikan masalah yang timbul apabila slaid persembahan tidak dapat dipaparkan pada <i>Google Meet</i> .	3 3.1	1 1.0	18 18.4	47 47.9	29 29.6	4.00	Tinggi
9. Saya mahir menggunakan butang ‘Whiteboard’ untuk berkongsi sebarang idea secara bertulis.	5 5.1	6 6.1	30 30.6	37 37.7	20 20.4	3.62	Sederhana
10. Saya mahir menggunakan butang ‘Change layout’ untuk mengubah bilangan paparan peserta dalam <i>Google Meet</i> .	4 4.1	2 2.0	12 12.2	27 27.5	53 54.1	4.26	Tinggi
11. Saya mahir menggunakan butang ‘Full screen’ untuk menjadikan paparan <i>Google Meet</i> lebih besar.	2 2.0	5 5.1	4 4.1	34 34.7	53 54.1	4.34	Tinggi
12. Saya mahir menggunakan butang ‘Add people’ untuk menjemput orang luar masuk ke dalam perbincangan semasa menggunakan <i>Google Meet</i> .	3 3.1	3 3.1	12 12.2	27 27.5	53 54.1	4.27	Tinggi
13. Saya mahir menggunakan butang ‘All muted’ untuk menjadikan semua mikrofon tertutup (mute) kecuali penganjur (<i>host</i>).	3 3.1	5 5.1	15 15.3	39 39.8	36 36.7	4.02	Tinggi
14. Saya mahir menggunakan butang ‘ <i>Host controls</i> ’ yang ada pada butang ‘ <i>Show everyone</i> ’ di paparan <i>Google Meet</i> .	4 4.1	5 5.1	20 20.4	37 37.7	32 32.6	3.90	Tinggi
15. Saya mahir untuk berkomunikasi dalam ruangan ‘chat’ pada paparan <i>Google Meet</i> .	0 0.0	2 2.0	4 4.1	30 30.6	62 63.3	4.55	Tinggi
16. Saya mahir menggunakan butang ‘record’ untuk merakam perbincangan dalam <i>Google Meet</i> .	2 2.0	3 3.1	8 8.2	37 37.7	48 49.00	4.29	Tinggi

17. Saya mahir menggunakan butang 'Breakout room' untuk mewujudkan kumpulan perbincangan yang lebih kecil.	7	7	33	36	15	3.46	Sederhana
	7.1	7.1	33.7	36.7	15.3		
18. Saya mahir menggunakan butang 'Polls' untuk membuat sesuatu undian dengan cepat.	6	9	20	37	26	3.69	Tinggi
	6.1	9.2	20.4	37.7	26.5		
19. Saya mahir untuk menamatkan sesi <i>Google Meet</i> .	0	2	3	28	65	4.59	Tinggi
	0.0	2.0	3.1	28.6	66.3		
Min Skor Keseluruhan						4.23	Tinggi

n=98

Merujuk Jadual 8, min skor keseluruhan dalam bahagian ini adalah 4.23. Daripada 19 item yang dikemukakan dalam bahagian ini, didapati bahawa item nombor 4 yang menyatakan bahawa responden mahir menggunakan butang mikrofon yang ada pada paparan *Google Meet* mempunyai min yang tertinggi iaitu 4.64. Seramai 67 responden (68.4%) sangat setuju dengan pernyataan ini. Nilai min kedua tertinggi adalah 4.63 iaitu merujuk kepada item nombor 5 yang menyatakan "Saya mahir menggunakan butang kamera yang ada pada paparan *Google Meet*". Ini disokong dengan nilai peratusan yang tertinggi bagi item tersebut iaitu sebanyak 69.4% yang mana seramai 68 responden sangat setuju dengan pernyataan ini. Sebaliknya, nilai min yang paling rendah adalah 3.46 yang merujuk kepada item nombor 17 yang mana terdapat 7 responden (7.1%) memilih sangat tidak setuju terhadap pernyataan "Saya mahir menggunakan butang *Breakout room* untuk mewujudkan kumpulan perbincangan yang lebih kecil". Secara rumusannya, tahap kemahiran SISC+ terhadap penggunaan *Google Meet* berada pada tahap tinggi.

Kesimpulan Keseluruhan Tahap Kesediaan SIPartners+ dan SISC+ Terhadap Penggunaan *Google Meet* Daripada Aspek Pengetahuan dan Kemahiran

Daripada analisis data di atas, min skor keseluruhan dan interpretasi min berkaitan tahap kesediaan SIPartners+ dan SISC+ terhadap penggunaan *Google Meet* daripada aspek pengetahuan dan kemahiran telah direkodkan dalam Jadual 9

Jadual 9. Taburan min skor keseluruhan dan interpretasi min berkaitan tahap kesediaan SIPartners+ dan SISC+ terhadap penggunaan *Google Meet*

Responden	Aspek Kesediaan	Min Skor Keseluruhan	Interpretasi Min
SIPartners+	Pengetahuan	4.51	Tinggi
	Kemahiran	4.21	Tinggi
SISC+	Pengetahuan	4.62	Tinggi
	Kemahiran	4.23	Tinggi

Berdasarkan Jadual 9, menunjukkan nilai min skor keseluruhan untuk tahap kesediaan SIPartners+ dan SISC+ terhadap penggunaan *Google Meet* daripada aspek pengetahuan dan kemahiran. Kesimpulannya, tahap kesediaan SIPartners+ daripada aspek pengetahuan adalah 4.51 (tinggi) dan aspek kemahiran dengan nilai 4.21 (tinggi). Manakala, tahap kesediaan SISC+ daripada aspek pengetahuan adalah 4.62 (tinggi) dan daripada aspek kemahiran dengan nilai 4.23 (tinggi). Daripada min skor keseluruhan ini, tahap pengetahuan SISC+ terhadap penggunaan *Google Meet* adalah yang paling tinggi dan tahap kemahiran SIPartners+ terhadap penggunaan *Google Meet* adalah yang paling rendah.

Pengetahuan SIPartners+ Terhadap Penggunaan *Padlet*

Dalam bahagian ini, sebanyak 13 item telah dikemukakan untuk mengetahui pengetahuan SIPartners+ terhadap penggunaan *Padlet*. Data ini telah dibentangkan dalam Jadual 10 yang menunjukkan taburan responden mengikut frekuensi, peratus, min dan interpretasi min.

Jadual 10. Analisis Tahap Pengetahuan SIPartners+ Terhadap Penggunaan *Padlet*

Item	Frekuensi dan Peratus					Min	Interpretasi Min
	1	2	3	4	5		
1. <i>Padlet</i> adalah medium penyimpanan bahan-bahan secara dalam talian.	0	0	5	15	13	4.24	Tinggi
	0.0	0.0	15.1	45.4	39.4		
	0	0	3	14	16	4.39	Tinggi

2. <i>Padlet</i> boleh diakses dengan menggunakan komputer peribadi.	0.0	0.0	9.1	42.4	48.5		
3. <i>Padlet</i> boleh diakses dengan menggunakan peranti mudah alih seperti telefon pintar dan tablet.	0	0	4	15	14	4.30	Tinggi
4. <i>Padlet</i> boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk teks.	0.0	0.0	12.1	45.4	42.4		
4. <i>Padlet</i> boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk teks.	0	0	4	14	15	4.33	Tinggi
5. <i>Padlet</i> boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk audio.	0.0	0.0	12.1	42.4	45.4		
5. <i>Padlet</i> boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk audio.	0	0	5	14	14	4.27	Tinggi
6. <i>Padlet</i> boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk video.	0.0	0.0	15.1	42.4	42.4		
6. <i>Padlet</i> boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk video.	0	0	6	13	14	4.24	Tinggi
7. <i>Padlet</i> boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk grafik.	0.0	0.0	18.2	39.4	42.4		
7. <i>Padlet</i> boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk grafik.	0	0	8	9	16	4.24	Tinggi
8. <i>Padlet</i> boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk animasi.	0.0	0.0	24.2	27.3	48.5		
8. <i>Padlet</i> boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk animasi.	0	1	8	11	13	4.09	Tinggi
9. <i>Padlet</i> tidak perlu dimuat turun terlebih dahulu untuk digunakan sebagai platform bimbingan secara dalam talian.	0.0	3.0	24.2	33.3	39.4		
9. <i>Padlet</i> tidak perlu dimuat turun terlebih dahulu untuk digunakan sebagai platform bimbingan secara dalam talian.	1	2	11	11	8	3.70	Tinggi
10. <i>Padlet</i> boleh diakses secara percuma.	3.0	6.1	33.3	33.3	24.2		
10. <i>Padlet</i> boleh diakses secara percuma.	0	1	7	11	14	4.15	Tinggi
11. <i>Padlet</i> boleh diakses dengan mudah.	0.0	3.0	21.2	33.3	42.4		
11. <i>Padlet</i> boleh diakses dengan mudah.	0	3	8	11	11	3.91	Tinggi
12. <i>Padlet</i> boleh didaftar masuk dengan menggunakan akaun Gmail.	0.0	9.1	24.2	33.3	33.3		
12. <i>Padlet</i> boleh didaftar masuk dengan menggunakan akaun Gmail.	0	1	5	14	13	4.18	Tinggi
13. <i>Padlet</i> amat berguna untuk menyimpan bahan-bahan bimbingan secara dalam talian.	0.0	3.0	15.1	42.4	39.4		
13. <i>Padlet</i> amat berguna untuk menyimpan bahan-bahan bimbingan secara dalam talian.	0	0	3	17	13	4.30	Tinggi
	0.0	0.0	9.1	51.5	39.4		
Min Skor Keseluruhan						4.18	Tinggi

n=33

Jadual 10 menunjukkan nilai min yang paling tinggi adalah 4.39, yang merujuk kepada item nombor 2. Terdapat 16 responden (48.5%) memilih sangat setuju terhadap pernyataan bahawa *Padlet* boleh diakses dengan menggunakan komputer peribadi. Nilai min kedua tertinggi adalah 4.33 yang merujuk kepada item nombor 4. Pada item tersebut, terdapat 15 responden (45.4%) setuju terhadap pernyataan bahawa *Padlet* boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk teks. Selain itu, nilai peratus yang tertinggi direkodkan adalah 51.5 iaitu seramai 17 orang daripada 33 responden setuju dengan pernyataan “*Padlet* amat berguna untuk menyimpan bahan-bahan bimbingan secara dalam talian”.

Sementara itu, nilai min yang paling rendah adalah 3.7 yang merujuk kepada item nombor 9. Ini membawa maksud bahawa seramai 11 responden (33.3%) tidak setuju dengan pernyataan “*Padlet* tidak perlu dimuat turun terlebih dahulu untuk digunakan sebagai platform bimbingan secara dalam talian”. Analisis item juga mendapati bahawa min skor keseluruhan dalam bahagian ini adalah 4.18 dan kesimpulannya, tahap pengetahuan SIPartners+ terhadap penggunaan *Padlet* berada pada tahap tinggi.

Kemahiran SIPartners+ Terhadap Penggunaan Padlet

Dalam bahagian ini, sebanyak 22 item telah dikemukakan untuk mengetahui kemahiran SIPartners+ terhadap penggunaan *Padlet*. Data ini telah dibentangkan dalam Jadual 11 yang menunjukkan taburan responden mengikut frekuensi, peratus, min dan interpretasi min.

Jadual 11. Analisis Tahap Kemahiran SIPartners+ Terhadap Penggunaan *Padlet*

Item	Frekuensi dan Peratus	Min
------	-----------------------	-----

	1	2	3	4	5		Interpretasi Min
1. Saya tidak menghadapi sebarang masalah untuk mengakses <i>Padlet</i> .	3 9.1	2 6.1	12 36.4	8 24.2	8 24.2	3.48	Sederhana
2. Saya mahir untuk membina <i>Padlet</i> baharu.	4 12.1	3 9.1	12 36.4	7 21.2	7 21.2	3.30	Sederhana
3. Saya mahir untuk memberi tajuk kepada <i>Padlet</i> yang dibina.	4 12.1	2 6.1	13 39.4	5 15.1	9 27.3	3.39	Sederhana
4. Saya mahir untuk memberi diskripsi terhadap tajuk <i>Padlet</i> .	3 9.1	4 12.1	14 42.4	6 18.2	6 18.2	3.24	Sederhana
5. Saya mahir mencipta pautan khas (custom URL) pada <i>Padlet</i> .	4 12.1	4 12.1	14 42.4	4 12.1	7 21.2	3.18	Sederhana
6. Saya mahir untuk menukar latar belakang (background) pada <i>Padlet</i> .	3 9.1	3 9.1	12 36.4	8 24.2	7 21.2	3.39	Sederhana
7. Saya mahir mengubah skema warna (colour scheme) pada <i>Padlet</i> .	3 9.1	4 12.1	13 39.4	6 18.2	7 21.2	3.30	Sederhana
8. Saya mahir untuk menukar jenis fon (font) pada <i>Padlet</i> .	5 15.1	3 9.1	11 33.3	8 24.2	6 18.2	3.21	Sederhana
9. Saya mahir untuk mengatur kedudukan bahan-bahan yang dihantar oleh pentadbir dan guru dalam <i>Padlet</i> .	3 9.1	4 12.1	15 45.4	5 15.1	6 18.2	3.21	Sederhana
10. Saya mahir untuk menggunakan butang komen (comment) pada <i>Padlet</i> .	4 12.1	4 12.1	11 33.3	6 18.2	8 24.2	3.30	Sederhana
11. Saya mahir untuk menggunakan butang atribusi (attribution) pada <i>Padlet</i> .	4 12.1	5 15.1	14 42.4	6 18.2	4 12.1	3.03	Sederhana
12. Saya mahir untuk menggunakan butang suka (like) pada <i>Padlet</i> .	5 15.1	2 6.1	9 27.3	7 21.2	10 30.3	3.45	Sederhana
13. Saya mahir menggunakan butang tapisan kandungan (content filtering) pada <i>Padlet</i> terhadap bahan-bahan yang dikongsi oleh pentadbir dan guru.	5 15.1	3 9.1	17 51.5	4 12.1	4 12.1	2.97	Sederhana
14. Saya mahir untuk menambah bahan-bahan baharu ke dalam <i>Padlet</i> .	4 12.1	3 9.1	13 39.4	5 15.1	8 24.2	3.30	Sederhana
15. Saya mahir memuat naik bahan bimbingan dalam bentuk teks ke dalam <i>Padlet</i> .	2 6.1	5 15.1	15 45.4	3 9.1	8 24.2	3.30	Sederhana
16. Saya mahir memuat naik bahan bimbingan dalam bentuk audio ke dalam <i>Padlet</i> .	4 12.1	4 12.1	15 45.4	3 9.1	7 21.2	3.15	Sederhana
17. Saya mahir memuat naik bahan bimbingan dalam bentuk video ke dalam <i>Padlet</i> .	4 12.1	5 15.1	15 45.4	2 6.1	7 21.2	3.09	Sederhana
18. Saya mahir memuat naik bahan bimbingan dalam bentuk grafik ke dalam <i>Padlet</i> .	3 9.1	6 18.2	16 48.5	1 3.0	7 21.2	3.09	Sederhana
19. Saya mahir memuat naik bahan bimbingan dalam bentuk animasi ke dalam <i>Padlet</i> .	3 9.1	7 21.2	16 48.5	3 9.1	4 12.1	2.94	Sederhana
20. Saya mahir untuk berkongsi kandungan bimbingan dalam <i>Padlet</i> kepada pentadbir dan guru.	3 9.1	4 12.1	14 42.4	7 21.2	5 15.1	3.21	Sederhana
21. Saya mahir menggunakan butang privasi (privacy) pada <i>Padlet</i> .	3 9.1	3 9.1	18 54.5	4 12.1	5 15.1	3.15	Sederhana
22. Saya mahir menggunakan butang eksport (export) pada <i>Padlet</i> .	1 3.0	6 18.2	16 48.5	4 12.1	6 18.2	3.24	Sederhana
Min Skor Keseluruhan						3.22	Sederhana

n=33

Berdasarkan Jadual 11, nilai min keseluruhan dalam bahagian ini adalah 3.22. Analisis item mendapati bahawa nilai min yang paling tinggi berada pada item nombor 1 iaitu 3.48 walaupun hanya 8 orang (24.2%) daripada 33 responden memilih sangat setuju dengan pernyataan bahawa responden tidak menghadapi sebarang masalah untuk mengakses

Padlet. Min kedua tertinggi adalah 3.45 yang merujuk kepada item nombor 12 yang menyatakan bahawa 30.3% responden sangat setuju terhadap pernyataan “Saya mahir untuk menggunakan butang suka (*like*) pada *Padlet*”. Sementara itu, nilai peratus yang paling tinggi adalah 54.5%, yang merujuk kepada item nombor 21 dengan pernyataan “Saya mahir menggunakan butang privasi (*privacy*) pada *Padlet*”.

Sebaliknya, nilai min yang paling rendah dalam bahagian ini adalah 2.94 yang merujuk kepada item nombor 19 iaitu “Saya mahir memuat naik bahan bimbingan dalam bentuk animasi ke dalam *Padlet*”. Data menunjukkan seramai 16 responden (48.5%) memilih kurang setuju dengan kenyataan ini. Interpretasi min menunjukkan bahawa tahap kemahiran SIPartners+ terhadap penggunaan *Padlet* berada pada tahap sederhana.

Pengetahuan SISC+ Terhadap Penggunaan *Padlet*

Dalam bahagian ini, sebanyak 13 item telah dikemukakan untuk mengetahui pengetahuan SISC+ terhadap penggunaan *Padlet*. Data ini telah dibentangkan dalam Jadual 12 yang menunjukkan taburan responden mengikut frekuensi, peratus, min dan interpretasi min.

Jadual 12. Analisis Tahap Pengetahuan SISC+ Terhadap Penggunaan *Padlet*

Item	Frekuensi dan Peratus					Min	Interpretasi Min
	1	2	3	4	5		
1. <i>Padlet</i> adalah medium penyimpanan bahan-bahan secara dalam talian.	3 3.1	4 4.1	14 14.3	34 34.7	43 43.9	4.12	Tinggi
2. <i>Padlet</i> boleh diakses dengan menggunakan komputer peribadi.	3 3.1	4 4.1	10 10.2	33 33.7	48 48.9	4.21	Tinggi
3. <i>Padlet</i> boleh diakses dengan menggunakan peranti mudah alih seperti telefon pintar dan tablet.	3 3.1	3 3.1	13 13.3	37 37.8	42 42.9	4.14	Tinggi
4. <i>Padlet</i> boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk teks.	3 3.1	4 4.1	13 13.3	35 35.7	43 43.8	4.13	Tinggi
5. <i>Padlet</i> boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk audio.	5 5.1	2 2.0	18 18.4	39 39.8	34 34.7	3.97	Tinggi
6. <i>Padlet</i> boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk video.	3 3.1	4 4.1	16 16.3	40 40.8	35 35.7	4.02	Tinggi
7. <i>Padlet</i> boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk grafik.	3 3.1	3 3.1	11 11.2	40 40.8	41 41.8	4.15	Tinggi
8. <i>Padlet</i> boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk animasi.	4 4.1	3 3.1	20 20.4	40 40.8	31 31.6	3.93	Tinggi
9. <i>Padlet</i> tidak perlu dimuat turun terlebih dahulu untuk digunakan sebagai platform bimbingan secara dalam talian.	3 3.1	7 7.1	24 24.5	34 34.7	30 30.6	3.83	Tinggi
10. <i>Padlet</i> boleh diakses secara percuma.	3 3.1	4 4.1	15 15.3	37 37.7	39 39.8	4.07	Tinggi
11. <i>Padlet</i> boleh diakses dengan mudah.	3 3.1	4 4.1	12 12.2	46 46.9	33 33.7	4.04	Tinggi
12. <i>Padlet</i> boleh didaftar masuk dengan menggunakan akaun Gmail.	3 3.1	3 3.1	16 16.3	39 39.8	37 37.7	4.06	Tinggi
13. <i>Padlet</i> amat berguna untuk menyimpan bahan-bahan bimbingan secara dalam talian.	3 3.1	2 2.0	14 14.3	44 44.9	35 35.7	4.08	Tinggi
Min Skor Keseluruhan						4.06	Tinggi

n=98

Berdasarkan Jadual 12, didapati bahawa nilai min yang paling tinggi adalah 4.21, yang mana ia merujuk kepada item nombor 2. Hal ini disokong dengan nilai peratus yang paling tinggi iaitu 48.9% yang mana seramai 48 orang daripada 98 responden memilih sangat setuju dengan kenyataan “*Padlet* boleh diakses dengan menggunakan komputer peribadi”. Nilai min kedua tertinggi adalah 4.15 yang merujuk kepada item nombor 7. Item tersebut menyatakan bahawa *Padlet* boleh digunakan sebagai medium perkongsian bahan-bahan bimbingan dalam bentuk grafik dan seramai 41 responden (41.8%) sangat setuju dengan kenyataan ini. Analisis item juga mendapati bahawa min skor keseluruhan dalam bahagian ini adalah 4.06. Sementara itu, nilai min yang paling rendah adalah 3.83 yang merujuk kepada item nombor 9, walaupun terdapat 34 responden (34.7%) memilih setuju dengan pernyataan “*Padlet* tidak perlu dimuat turun terlebih dahulu untuk digunakan sebagai platform bimbingan secara dalam talian”. Kesimpulannya, tahap pengetahuan SISC+ terhadap penggunaan *Padlet* berada pada tahap tinggi.

Kemahiran SISC+ Terhadap Penggunaan Padlet

Dalam bahagian ini, sebanyak 22 item telah dikemukakan untuk mengetahui kemahiran SISC+ terhadap penggunaan *Padlet*. Data ini telah dibentangkan dalam Jadual 13 yang menunjukkan taburan responden mengikut frekuensi, peratus, min dan interpretasi min.

Jadual 13. Analisis Tahap Kemahiran SISC+ Terhadap Penggunaan *Padlet*

Item	Frekuensi dan Peratus					Min	Interpretasi Min
	1	2	3	4	5		
1. Saya tidak menghadapi sebarang masalah untuk mengakses <i>Padlet</i> .	9	3	22	42	22	3.66	Sederhana
	9.2	3.1	22.4	42.9	22.4		
2. Saya mahir untuk membina <i>Padlet</i> baharu.	12	5	26	33	22	3.49	Sederhana
	12.2	5.1	26.5	33.7	22.4		
3. Saya mahir untuk memberi tajuk kepada <i>Padlet</i> yang dibina.	12	5	23	32	26	3.56	Sederhana
	12.2	5.1	23.5	32.7	26.5		
4. Saya mahir untuk memberi diskripsi terhadap tajuk <i>Padlet</i> .	11	6	23	36	22	3.53	Sederhana
	11.2	6.2	23.5	36.7	22.4		
5. Saya mahir mencipta pautan khas (custom URL) pada <i>Padlet</i> .	12	6	29	30	21	3.43	Sederhana
	12.2	6.2	29.6	30.6	21.4		
6. Saya mahir untuk menukar latar belakang (background) pada <i>Padlet</i> .	12	6	24	27	29	3.56	Sederhana
	12.2	6.2	24.5	27.5	29.6		
7. Saya mahir mengubah skema warna (colour scheme) pada <i>Padlet</i> .	12	6	25	28	27	3.53	Sederhana
	12.2	6.2	25.5	28.6	27.5		
8. Saya mahir untuk menukar jenis fon (font) pada <i>Padlet</i> .	12	5	25	28	28	3.56	Sederhana
	12.2	5.1	25.5	28.6	28.6		
9. Saya mahir untuk mengatur kedudukan bahan-bahan yang dihantar oleh pentadbir dan guru dalam <i>Padlet</i> .	11	8	25	32	22	3.47	Sederhana
	11.2	8.1	25.5	32.7	22.4		
10. Saya mahir untuk menggunakan butang komen (comment) pada <i>Padlet</i> .	12	6	23	31	26	3.54	Sederhana
	12.2	6.2	23.5	31.6	26.5		
11. Saya mahir untuk menggunakan butang atribusi (attribution) pada <i>Padlet</i> .	11	7	30	34	16	3.38	Sederhana
	11.2	7.2	30.6	34.7	16.3		
12. Saya mahir untuk menggunakan butang suka (like) pada <i>Padlet</i> .	11	7	23	22	35	3.64	Sederhana
	11.2	7.2	23.5	22.4	35.7		
13. Saya mahir menggunakan butang tapisan kandungan (content filtering) pada <i>Padlet</i> terhadap bahan-bahan yang dikongsi oleh pentadbir dan guru.	11	7	31	32	17	3.38	Sederhana
	11.2	7.2	31.6	32.7	17.3		
14. Saya mahir untuk menambah bahan-bahan baharu ke dalam <i>Padlet</i> .	11	7	25	29	26	3.53	Sederhana
	11.2	7.2	25.5	29.6	26.5		
	12	6	25	30	25	3.51	Sederhana

15. Saya mahir memuat naik bahan bimbingan dalam bentuk teks ke dalam <i>Padlet</i> .	12.2	6.2	25.5	30.6	25.5		
16. Saya mahir memuat naik bahan bimbingan dalam bentuk audio ke dalam <i>Padlet</i> .	13	8	26	30	21	3.39	Sederhana
17. Saya mahir memuat naik bahan bimbingan dalam bentuk video ke dalam <i>Padlet</i> .	12	9	25	32	20	3.40	Sederhana
18. Saya mahir memuat naik bahan bimbingan dalam bentuk grafik ke dalam <i>Padlet</i> .	12	9	21	31	25	3.49	Sederhana
19. Saya mahir memuat naik bahan bimbingan dalam bentuk animasi ke dalam <i>Padlet</i> .	12	11	30	26	19	3.30	Sederhana
20. Saya mahir untuk berkongsi kandungan bimbingan dalam <i>Padlet</i> kepada pentadbir dan guru.	12	9	23	30	24	3.46	Sederhana
21. Saya mahir menggunakan butang privasi (privacy) pada <i>Padlet</i> .	12	9	31	25	21	3.35	Sederhana
22. Saya mahir menggunakan butang eksport (export) pada <i>Padlet</i> .	10	10	31	27	20	3.38	Sederhana
	10.2	10.2	31.6	27.6	20.4		
Min Skor Keseluruhan						3.48	Sederhana

n=98

Berdasarkan Jadual 13, nilai min keseluruhan dalam bahagian ini adalah 3.48. Analisis item mendapati bahawa nilai min yang paling tinggi berada pada item nombor 1 iaitu 3.66. Item tersebut merujuk kepada pernyataan “Saya tidak menghadapi sebarang masalah untuk mengakses *Padlet*”. Tambahan pula, nilai peratus yang tertinggi iaitu 42.9% yang mana seramai 42 orang daripada 98 responden setuju dengan pernyataan ini. Ini bermaksud kebanyakan responden tiada masalah untuk mengakses *Padlet* untuk menyimpan dan berkongsi bahan-bahan bimbingan secara dalam talian. Nilai min kedua tertinggi adalah 3.64 yang merujuk kepada item nombor 12, yang mana item ini menyatakan bahawa responden mahir untuk menggunakan butang suka (like) pada *Padlet*. Seramai 35 responden (35.7%) memilih sangat setuju dengan pernyataan ini. Sebaliknya, nilai min yang paling rendah dalam bahagian ini adalah 3.30 yang merujuk kepada item nombor 19 iaitu “Saya mahir memuat naik bahan bimbingan dalam bentuk animasi ke dalam *Padlet*”. Seramai 12 orang (12.2%) daripada 98 responden memilih sangat tidak setuju terhadap pernyataan ini. Walau bagaimanapun, interpretasi min menunjukkan bahawa tahap kemahiran SISC+ terhadap penggunaan *Padlet* berada pada tahap sederhana.

Kesimpulan Keseluruhan Tahap Kesediaan SIPartners+ dan SISC+ Terhadap Penggunaan *Padlet* Daripada Aspek Pengetahuan dan Kemahiran

Daripada analisis data yang telah dijalankan, min skor keseluruhan dan interpretasi min berkaitan tahap kesediaan SIPartners+ dan SISC+ terhadap penggunaan *Padlet* daripada aspek pengetahuan dan kemahiran telah direkodkan dalam Jadual 14.

Jadual 14. Taburan Min Skor Keseluruhan Dan Interpretasi Min Berkaitan Tahap Kesediaan SIPartners+ dan SISC+ Terhadap Penggunaan *Padlet*

Responden	Aspek Kesiediaan	Min Skor Keseluruhan	Interpretasi Min
SIPartners+	Pengetahuan	4.18	Tinggi
	Kemahiran	3.22	Sederhana
SISC+	Pengetahuan	4.06	Tinggi
	Kemahiran	3.48	Sederhana

Berdasarkan Jadual 14 menunjukkan nilai min skor keseluruhan untuk tahap kesediaan SIPartners+ dan SISC+ terhadap penggunaan *Padlet* daripada aspek pengetahuan dan kemahiran. Kesimpulannya, tahap kesediaan SIPartners+ daripada aspek pengetahuan adalah 4.18 (tinggi) dan aspek kemahiran dengan nilai 3.22 (sederhana). Manakala, tahap kesediaan SISC+ daripada aspek pengetahuan adalah 4.06 (tinggi) dan aspek kemahiran dengan nilai 3.48 (sederhana). Daripada min skor keseluruhan ini, tahap pengetahuan SIPartners+ terhadap penggunaan *Padlet* adalah yang paling tinggi dan tahap kemahiran SIPartners+ terhadap penggunaan *Padlet* adalah yang paling rendah.

Perbincangan Dapatan Kajian

Secara kesimpulannya tahap kesediaan SIPartners+ terhadap penggunaan *Google Meet* daripada aspek pengetahuan dan kemahiran berada pada tahap yang tinggi dan SIPartners+ bersedia untuk melaksanakan bimbingan secara dalam talian menggunakan aplikasi *Google Meet*. Hal ini menunjukkan bahawa tahap kesediaan SISC+ terhadap penggunaan *Google Meet* daripada aspek pengetahuan dan kemahiran berada pada tahap yang tinggi, yang mana SISC+ telah bersedia dan sangat mahir untuk melaksanakan bimbingan secara dalam talian menggunakan aplikasi *Google Meet*. Menurut Wambsganss et al. (2020), bimbingan dari pembimbing yang mahir adalah penting walaupun wujudnya pelbagai teknologi menggantikan manusia. Hasil kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Zakaria et.al (2020) dan ianya disokong oleh pernyataan Chen et al. (2014) yang menyatakan dalam pendekatan pedagogi baharu ini, guru pembimbing perlu menjana pengetahuan baru khususnya dalam bidang teknologi bukan sahaja perlu memahami kandungan mata pelajaran.

Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh Mageswaran (2021) menyatakan bahawa pengetahuan guru-guru ketika menggunakan *Google Meet* dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) juga berada pada tahap yang tinggi. Hasil analisis menunjukkan bahawa SIPartners+ dan SISC+ juga mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap penggunaan *Google Meet*. Dalam kajian Davis et al., (1997), beliau mendapati bahawa sikap pengguna terhadap kemudahan penggunaan teknologi mempengaruhi sikap yang positif terhadap penggunaannya. Penggunaan teknologi dalam pendidikan adalah penting selari dengan perkembangan teknologi yang pesat membangun pada masa kini termasuklah penggunaan *Google Meet* dalam pendidikan dan bimbingan dalam talian. Pernyataan ini disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Vasyk Kovalchuck dan Iryna Vorotnykova (2017). Beliau mengkaji tentang kesediaan guru dan sistem pendidikan lepasan ijazah untuk menggunakan bimbingan dalam talian (*e-coaching*) bagi pembangunan profesionalisme berterusan. Kajian beliau mendapati bahawa guru bersedia untuk menggunakan bimbingan dalam talian (*e-coaching*) bagi pembangunan profesionalisme berterusan.

Kesediaan SISC+ terhadap penggunaan *Padlet* daripada aspek pengetahuan juga berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden memberi jawapan setuju dan sangat setuju pada setiap item dalam bahagian ini. Dapatan ini selari dengan kajian dari Beltrán-Martín (2020), di mana pelajar mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam penggunaan *Padlet* kerana teknologi ini mudah untuk digunakan. Analisis data juga menunjukkan responden mempunyai pengetahuan yang tinggi bahawa mereka boleh mengakses *Padlet* dengan menggunakan komputer peribadi. Dalam aspek tahap kesediaan SISC+ terhadap penggunaan *Padlet* daripada aspek kemahiran pula menunjukkan kebanyakan responden memberi jawapan kurang setuju kepada setiap item yang dikemukakan. Analisis juga menunjukkan SISC+ mempunyai kemahiran yang sederhana untuk menggunakan *Padlet* sebagai satu platform perkongsian bahan-bahan bimbingan secara dalam talian kepada guru-guru yang tertentu. Tahap kesediaan SISC+ terhadap penggunaan *Padlet* daripada aspek pengetahuan berada pada tahap tinggi, sebaliknya berada pada tahap sederhana apabila dilihat daripada aspek kemahiran menggunakan *Padlet* sebagai platform perkongsian bahan-bahan bimbingan.

Kesimpulan

Kajian ini adalah relevan untuk dijalankan bagi mengenal pasti tahap kesediaan SIPartners+ dan SISC+ terhadap *Google Meet* dalam proses pembelajaran dalam talian bukan sahaja semasa dalam situasi pandemik yang telah negara hadapi, tetapi untuk situasi-situasi lain seperti faktor jarak dan masa. Terdahulu, semasa pandemik melanda negara, kelas-kelas secara tradisional dihentikan dan dielakkan buat sementara waktu untuk mengurangkan interaksi secara fizikal. Jen et al. (2020) mengesahkan bahawa penggunaan *Google Meet* memudahkan guru menyampaikan kuliah kepada murid secara dalam talian. Selain itu, keperluan dan kepentingan kajian ini juga boleh dilihat dari kajian Pangondian et al. (2019) iaitu perbandingan ke atas kelebihan dan kekurangan antara pembelajaran tradisional dan secara dalam talian telah menunjukkan bahawa pembelajaran dalam talian mempunyai pelbagai kelebihan.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya menjawab semua persoalan kajian yang telah disenaraikan. Semua objektif kajian yang telah ditetapkan juga telah dicapai. Pengkaji yakin kajian ini dapat bantu membuktikan bahawa SIPartners+ dan SISC+ di negeri Johor telah bersedia dengan penggunaan teknologi seperti *Google Meet* dalam melaksanakan bimbingan secara dalam talian dan penggunaan *Padlet* sebagai platform perkongsian bahan-bahan bimbingan. Selain itu, kemudahan infrastruktur, seperti capaian internet yang stabil juga perlu disediakan oleh pihak berwajib bagi melancarkan SIPartners+ dan SISC+ melaksanakan bimbingan secara dalam talian serta memudahkan

mereka untuk berkongsi bahan-bahan bimbingan.

Limitasi Kajian

Kajian ini telah dilaksanakan terhad kepada SIPartners+ dan SISC+ yang berada di negeri Johor sahaja. Oleh demikian, hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada pengetahuan dan kemahiran terhadap penggunaan *Google Meet* dan *Padlet* di negeri-negeri lain. Di samping itu, instrumen kajian yang digunakan iaitu borang Soal Selidik Kesediaan adalah diedarkan secara dalam talian. Ini bermakna responden yang menjawab Soal Selidik Kesediaan tersebut haruslah mempunyai akses kepada internet yang stabil dan integriti yang tinggi semasa menjawab item-item yang terdapat dalam Soal Selidik Kesediaan tersebut.

Penghargaan

The authors would like to thank Universiti Teknologi Malaysia and Ministry of Higher Education Malaysia for their support in making this project possible. This work was supported/funded by the Ministry of Higher Education under Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2021/SSI0/UTM/02/16).

Rujukan

Aisa, Aufia, and Linta Lisvita. "Penggunaan Teknologi Informasi dalam Pembelajaran Online Masa Covid-19." *JoEMS (Journal of Education and Management Studies)* 3.4 (2020): 47-52.

Al-Rahmi, Ali M., Alina Shamsuddin, Uthman Alturki, Ahmed Aldraiweesh, Farahwahida M. Yusof, Waleed M. Al-Rahmi, and Abdulmajeed A. Aljeraiwi. 2021. "The Influence of Information System Success and Technology Acceptance Model on Social Media Factors in Education " *Sustainability* 13, no. 14: 7770. <https://doi.org/10.3390/su13147770> Al-Rahmi et al., 2021

Aslina Saad and Ermie Dharlya Daud (2016) 'Kepelbagaian model penerimaan teknologi dan sistem maklumat 1', *International Conference on ICT in Education*.

Bae, M. Understanding the effect of the discrepancy between sought and obtained gratification on social networking site users' satisfaction and continuance intention. *Comput. Hum. Behav.* 2018, 79, 137–153. Bae, 2018

Bahagian Pendidikan Guru, BPG (2016), Dokumen Awal Deskripsi Tugas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Dalam Laluan Kerjaya Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan Laluan Kepimpinan.

Baharuddin Shidki, Nik Rahimi (2008). Cabaran Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Dlm. Norazah Mohd Nordin & Mohamed Amin Embi (eds.). *Pengintegrasian ICT dalam Pendidikan, Penyelidikan, Amalan dan Aplikasi*, pp. 47-62.

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, BPSH (2017), Panduan Pengurusan Program Transformasi Daerah (DTP) Edisi 3.0

Beltrán-Martín, I. (2019, July). Using Padlet for collaborative learning. In HEAD'19. 5th international conference on higher education advances (pp. 201-211). Editorial Universitat Politècnica de València.

Cheung R, Vogel D. Predicting user acceptance of collaborative technologies: An extension of the technology acceptance model for e-learning. *Computers and Education*, 2013, 63:160-175 Cheung & Vogel, 2013

Dalvi-Esfahani, M.; Wai Leong, L.; Ibrahim, O.; Nilashi, M. Explaining students' continuance intention to use Mobile web 2.0 learning and their perceived learning: An integrated approach. *J. Educ. Comput. Res.* 2020, 57, 1956–2005. Dalvi-Esfahani et al., 2020

Darling-Hammond, L. (2000). *Teacher quality and student achievement: A review of state policy evidence*. *Educational Policy Analysis Archives*, 8(1), 1-46.

Desimone, L. M., & Pak, K. (2017). Instructional Coaching as High-Quality Professional Development. *Theory Into Practice*, 56(1), 3–12. <https://doi.org/10.1080/00405841.2016.1241947>

Dian Arifin. (Oktober 2020). Pengertian Google Meet | Fitur, Manfaat, Cara Menggunakan. Retrieved From <https://Dianisa.Com/Pengertian-Google-Meet/>

Dunbar, R.L.; Dingel, M.J.; Dame, L.F.; Winchip, J.; Petzold, A.M. Student social self-efficacy, leadership status, and academic

performance in collaborative learning environments. *Stud. High. Educ.* 2018, 43, 1507–1523. Dunbar et al., 2018

Fauziah Sulaiman. (2014). Online learning in Higher Education in Malaysia: A case study of students Future Expectations. *International Journal of Humanities and Social Science*. Vol 4, N0 8.

Fishbein, M. and I. Ajzen, (1975). *Belief, Attitude, Intention and Behavior: An Introduction to Theory and Research*. 1st Edn., Addison-Wesley, Reading, Mass., ISBN-10: 0201020890, 578.

Franey, J. J. (2015). *Developing an understanding of instructional coaching*.
<http://www.developingdifferencemakers.com/uploads/6/0/5/5/60557285>

Hishamuddin, M. S., & Roland, Y. (2011). Organizational-Level Training Needs Analysis (TNA): Findings from the Top 1000 Companies in Malaysia, UTM

Hoyles, C., & Lagrange, J.-B. (Eds.). (2010). *Mathematics education and technology--Rethinking the terrain*. New York, NY/Berlin, Germany: Springer.

Hsu, T.C.; Hwang, G.J. Effects of a structured resource-based web issue quest approach on students' learning performances in computer programming courses. *J. Educ. Technol. Soc.* 2017, 20, 82–94. Hsu & Hwang, 2017

Ibrahim, Zainuddin and Ngu, Kee Shing and Alias, Norlidah and DeWitt, Dorothy (2014) *Pembangunan modul pedagogi pembelajaran berasaskan padlet untuk pelajar pekak di IPT*. In: *Persidangan Kebangsaan Kurikulum Dan Teknologi Pengajaran*, 21 Mac 2014, University of Malaya.

Ishak, W.H.W.; Yamin, F.M. Student Acceptance on Game to Support Teaching and Learning. *Int. J. Adv. Trends Comput. Sci. Eng.* 2020, 9, 2517–2521. Ishak & Yamin, 2020

Johansson, P. (2017). Learning study as clinical research practise to generate knowledge about the learning of historical primary source analysis. *Educational Action Research*. 25 (1).167-181

Kamus Dewan (Edisi Keempat). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kasih, S., Asmana, E dan Salmidar. (2021). The Use Of Padlet Application As A Media For Mathematics Learning In The Face-To-Face Time Is Limited To The Sets Materials In Class Vii Smp Negeri 1 Kuok. *Jurnal Prinsip Pendidikan Matematika*, 4(1), 50-56.

Kaviza, M., Rahim, A.A., & Bukhari, N. 2018. Tahap kesediaan guru-guru sejarah dalam melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan sumber sejarah: Satu tinjauan di Negeri Perlis. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. Bil.6, Isu 2.23-31

Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. 2013- 2025*. Putrajaya. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kovalchuck, V., & Vorotnykova, I. (2017). E-coaching, e-mentoring for lifelong professional development of teachers within the system of post-graduate pedagogical education. *Turkish online journal of distance education*, 18(3), 214-227.

Labib, N.M.; Mostafa, R.H. Determinants of social networks usage in collaborative learning: Evidence from Egypt. *Procedia Comput. Sci.* 2015, 65, 432–441. Labib & Mostafa, 2015

Lai, P.C. (2017). *The Literature Review Of Technology Adoption Models And Theories For The Novelty Technology*. Kuala Lumpur: Help University.

Langan, E. (2015). Using Multiple-Perspective Primary Sources to Enhance Pre-service Teachers' Understandings. *Teacher Education and Practice*. 28(4).617-626.

Law K M, Lee V C, Yu Y T. Learning motivation in e-learning facilitated computer programming courses. *Computers and Education*, 2010, 55(1):218-228 Law, 2010

Lee B C, Yoon J O, Lee I. Learners' acceptance of e-learning in South Korea, Theories and results. *Computers and Education*, 2009, 53(4):1320-1329 Lee et al. (2009)

Lee Y H, Hsieh Y C, Ma C Y. A model of organizational employees' e-learning systems acceptance. *Knowledge-Based Systems*, 2011, 24(3):355-366 Lee, 2011

- Leong, L.W.; Ibrahim, O.; Dalvi-Esfahani, M.; Shahbazi, H.; Nilashi, M. The moderating effect of experience on the intention to adopt mobile social network sites for pedagogical purposes: An extension of the technology acceptance model. *Educ. Inf. Technol.* 2018, 23, 2477–2498. Leong et al., 2018
- Liaw SS. Investigating students' perceived satisfaction, behavioral intention, and effectiveness of e-learning: A case study of the Blackboard system. *Computers and Education*, 2008, 51(2):864-873 (Liaw, 2008)
- Liaw S S. Understanding computers and the Internet as a work assisted tool. *Computers in Human Behavior*, 2007, 23(1):399-414 Liaw, 2007
- Liaw S S, Huang H M. Developing a collaborative e-learning system based on users' perceptions. In *International Conference on Computer Supported Cooperative Work in Design*, 2006, pp. 751-759 Liaw & Huang, 2006.
- Lim, S.; Kwon, N. Gender differences in information behavior concerning Wikipedia, an unorthodox information source? *Libr. Inf. Sci. Res.* 2010, 32, 212–220. Lim & Kwon, 2010
- Lonsiong, D. U., & Dg Norizah, A. K. @ D. (2019). Interaksi Kepimpinan Perkongsian Mentor Melalui Motivasi Kerja Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(7), 68–76.
- Lu, J., Yu, C. S., Liu, C. and Yao, J. E. (2003) 'Technology acceptance model for wireless Internet', *Internet Research*.
- Mahdizadeh H, Biemans H, Mulder M. Determining factors of the use of e-learning environments by university teachers. *Computers and Education*, 2008, 51(1):142-154 Mahdizadeh et al. (2008)
- Martin, F.; Bolliger, D.U. Engagement matters: Student perceptions on the importance of engagement strategies in the online learning environment. *Online Learn.* 2018, 22, 205–222. Martin & Bolliger, 2018
- Masrom M. Technology acceptance model and e-learning. In *12th International Conference on Education*, 2007, pp. 1-10 Masrom, 2007
- Moghavvemi, S.; Sulaiman, A.; Jaafar, N.I.; Kasem, N. social media as a complementary learning tool for teaching and learning: The case of youtube. *Int. J. Manag. Educ.* 2018, 16, 37–42. Moghavvemi et al., 2018
- Mohd Izham Mohd Hamzah dan Noraini Attan. (2007). Tahap kesediaan guru Sains dalam penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Teknologi*. 46(E): 45-60.
- Montesdioca, G.P.Z.; Maçada, A.C.G. Measuring user satisfaction with information security practices. *Comput. Secur.* 2015, 48, 267–280. Montesdioca & Maçada, 2015
- National Audit Office (NAO) (2009), URL: https://www.nao.org.uk/wp-content/uploads/2009/06/Annual_Report_2009_1.pdf
- Nik Azis, N. P. (2003). *Penggunaan teori dan kerangka teori dalam penyelidikan pendidikan matematik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Noel Jimbai, A. B., & Zamri, M. (2017). Penerimaan guru-guru bahasa melayu terhadap bimbingan dan pementoran jurulatih sisc+. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*.
- Nor Aniza Ahmad dan Lay Nee Chua. (2015). Technology and Higher Education: Using an E-learning tutorials as a pedagogy for Innovation and flexible Learning. *Malaysian Journal of Distance Education*.17(1), 21-31.
- Nor, N. M., Talib, C. A., Wahidah, N., Hakim, A., Ali, M., Osman, S., & Ibrahim, N. H. (2019). Penggunaan Sumber ICT dalam Pengajaran Kimia: Cabaran kepada Guru Masa Kini The Use of ICT Resources in Teaching Chemistry: Challenges to Recent Teachers. 2(2), 82–88.
- Olelewe, C.J.; Orji, C.T.; Osinem, E.C.; Rose-Keziah, I.C. Constraints and strategies for effective use of social networking sites (SNSs) for collaborative learning in tertiary institutions in Nigeria: Perception of TVET lecturers. *Educ. Inf. Technol.* 2020, 25, 239–258. Olelewe et al., 2020
- Ong CS, Lai JY. Gender differences in perceptions and relationships among dominants of e-learning acceptance. *Computers in Human Behavior*, 2006, 22(5):816-829 Ong & Lai, 2006
- Ong C S, Lai J Y, Wang Y S. Factors affecting engineers' acceptance of asynchronous e-learning systems in high-tech companies.

Information and Management, 2004, 41(6):795-804 Ong et al., 2004

PADU. (2019). *Laporan Tahunan 2018 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.

Pangondian, R. A., Santosa, P. I., & Nugroho, E. (2019, February). Faktor-faktor yang mempengaruhi kesuksesan pembelajaran daring dalam revolusi industri 4.0. In *Seminar Nasional Teknologi Komputer & Sains (SAINTEKS)* (Vol. 1, No. 1).

Pfund, C., Byars-Winston, A., Branchaw, J., Hurtado, S., & Eagan, K. (2016). Defining attributes and metrics of effective research mentoring relationships. *AIDS and Behavior*, 20, 238–248. <https://doi.org/10.1007/s10461-016-1384-z>

Prisuna, B. F. (2021). Pengaruh penggunaan aplikasi google meet terhadap hasil belajar. *Jurnal penelitian ilmu pendidikan*, 14(2), 137-147.

Putrawangsa, S., & Hasanah, U. (2018). Integrasi teknologi digital dalam pembelajaran di era industri 4.0: Kajian dari Perspektif Pembelajaran Matematika. *Jurnal Tatsqif*, 16(1), 42-54.

Puteh M. E-learning implementation in Malaysian universities: The Universiti Teknologi Malaysia experience. In 3rd International Conference on E-learning, 2008, pp. 26-27 Puteh, 2008

Qureshi, M.A.; Khaskheli, A.; Qureshi, J.A.; Raza, S.A.; Yousufi, S.Q. Factors affecting students' learning performance through collaborative learning and engagement. *Interact. Learn. Environ.* 2021 Qureshi et al., 2021

Saemah Rahman & Zamri Mahamod. 2016. *Kreativiti dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. (Pnyt.). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sarabiah, J. (2018). Persepsi, Amalan Dan Keberkesanan Bimbingan Jurulatih SISC+ dari Perspektif Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 8(1), 42–52.

Sarabiah, J., & Zamri, M. (2019). Amalan dan keberkesanan bimbingan jurulatih sisc+ dari perspektif guru bahasa melayu. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*.

Sawitri, D. (2020). Penggunaan Google Meet Untuk Work From Home Di Era Pandemi Coronavirus Disease 2019 (Covid-19).

Scherer, R.; Siddiq, F.; Tondeur, J. The technology acceptance model (TAM): A meta analytic structural equation modeling approach to explaining teachers' adoption of digital technology in education. *Comput. Educ.* 2019, 128, 13–35. Scherer et al., 2019

Selim H M. Critical success factors for e-learning acceptance: Confirmatory factor models. *Computers and Education*, 2007, 49(2):396-413 Selim, 2007

Shan, Y. How credible are online product reviews? The effects of self-generated and system-generated cues on source credibility evaluation. *Comput. Hum. Behav.* 2016, 55, 633–641. Shan, 2016

Sharifah Sofiah Abdul Rahman, Mohd Izham Bin Mohd Hamzah (2015). *Pelaksanaan Program SIPartners+ Dan Hubungannya Dengan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Di Sekolah Menengah*.

Šumak B, Heričko M, Pušnik M. A meta-analysis of e-learning technology acceptance: The role of user types and e-learning technology types. *Computers in Human Behavior*, 2011, 27(6):2067-2077 (Šumak et al., 2011)

Sun P C, Tsai R J, Finger G, Chen Y Y, Yeh D. What drives a successful e-Learning? An empirical investigation of the critical factors influencing learner satisfaction. *Computers and Education*, 2008, 50(4):1183-1202 Sun et al., 2008

Sun, Y, Strobel, J, & Newby, T.J. (2017). The Impact of Student Teaching Experience on Preservice Teachers' Readiness for Technology Integration: A Mixed Methods Study with Growth Curve Modelling. *Educational Technology Research and Development*, 65(3), 597 – 629

Swan K. Virtual interaction: Design factors affecting student satisfaction and perceived learning in asynchronous online courses. *Distance Education*, 2001, 22(2):306-331 Swan, 2001

Tella, A. (2017). Teacher variables as predictors of academic achievement of primary school pupils' mathematics. *International Electronic Journal of Elementary Education*, 1(1), 16-33.

Thanh Thi Ngoc Phan & Ly Thi Thao Dang. (2017). Teacher Readiness for online Teaching: A critical Review. *International Journal*

of Distance Learning. Vol 3. N0 1.

Thompson T L, MacDonald C J. Community building, emergent design and expecting the unexpected: Creating a quality eLearning experience. *The Internet and Higher Education*, 2005, 8(3):233-249 Thompson & MacDonald, 2005

Ugartini Magesvaran, (2021) *Tahap pengetahuan dan kekangan yang dihadapi oleh guru bahasa Melayu ketika menggunakan aplikasi Google Meet dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ; Malay Language Education (MyLEJ)*, 11 (2). pp. 39-53. ISSN 2180-4842

Venkatesh, V.; Thong, J.Y.; Xu, X. Consumer acceptance and use of information technology: Extending the unified theory of acceptance and use of technology. *MIS Q.* 2012, 36, 157–178. Venkatesh et al., 2012

Wambsganss, T., Söllner, M., & Leimeister, J. M. (2020). Design and evaluation of an adaptive dialog-based tutoring system for argumentation skills. In *International Conference on Information Systems (ICIS)*.-Hyderabad, India.

Wan Fadhrurrahman, W. M. R., Al Amin, M., & Aziah, I. (2020). Professional Learning Community: Strategi Bimbingan Instruksional dan Alaman Profesional Guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(3), 38–54.

Wang, W.T.; Lai, Y.J. Examining the adoption of KMS in organizations from an integrated perspective of technology, individual, and organization. *Comput. Hum. Behav.* 2014, 38, 55–67. Wang & Lai, 2014

Williams, M.D.; Rana, N.P.; Dwivedi, Y.K. The unified theory of acceptance and use of technology (UTAUT): A literature review. *J. Enterp. Inf. Manag.* 2015, 28, 443–488. Williams et al., 2015

Wong, S. H., & Nur Ain Elzira, A. (2018). Bimbingan dan Pementoran Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) Menurut Perperspektif Guru Dibimbing (GDB). *International Journal of Education, Psychology and Counselin*, 3(13), 57–72.

Xia, M.; Zhang, Y.; Zhang, C. A TAM-based approach to explore the effect of online experience on destination image: A smartphone user's perspective. *J. Destin. Mark. Manag.* 2018, 8, 259–270. Xia et al., 2018

Yahaya, M., Hanafiah, R., Zakaria, N. S., Osman, R., & Bahrin, K. A. (2020). Amalan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru-guru sekolah rendah. *Jurnal IPDA*, 26(1), 13-24

York-Barr, J., & Duke, K. (2004). What do we know about teacher leadership? Findings from two decades of scholarship. *Review of Educational Research*, 74(3), 255–316. <https://doi.org/10.3102/00346543074003255>

Zakaria Saad, Baskaran Subramaniam, Malar Muthiah, Abdul Malek Yaaku, Chin Soo Fong & Othayakumaran Kandasamy. (2020). Kesediaan penggunaan Google Meet sebagai platform pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi siswa guru di Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim. *Proceedings of International Conference on The Future of Education IConFed*, hlm. 84-102. Seminar anjuran IPG Kampus Tuanku Bainun, Pulau Penang pada 17-18 November 2020.

Zamri Mahamod. 2014. Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zawiah Binti Bahrom (2020), *Pedagogi Norma Baharu: Cabaran Dan Hikmah*. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan Jilid III*, 2020 (ISSN 2636-9885)

Zuraida Baharuddin, Shahrir Jamaluddin, Mohd Shahril Nizam Shaharom dan Sumaia Mohammed Radzman Zaid. (2019). The Role of teacher Readiness as Mediator in the Development of ICT Competency in Pahang Primary School. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*. Volume 2(1).